PENGAPLIKASIAN PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) DALAM NOVEL "THE MISSING PIECE" KARYA FATIMAH BUSU

OLEH

AIN SYUHADAH BINTI RIZUAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

2025

PENGAPLIKASIAN PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) DALAM NOVEL "THE MISSING PIECE" KARYA FATIMAH BUSU

OLEH

AIN SYUHADAH BINTI RIZUAN

Kertas Projek Tahun Akhir ini diserahkan bagi memenuhi keperluan dalam Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa

Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

JUN 2025

ABSTRAK

Stilistik merupakan ilmu yang membahaskan penggunaan bahasa dalam karya sastera termasuk novel. Penerapan prinsip stilistik dalam karya sastera seperti novel adalah penting untuk mewujudkan nilai estetika, memperjelas makna dan meningkatkan keberkesanan novel. Namun, wujud anggapan dalam kalangan masyarakat bahawa bahasa dalam karya sastera adalah sukar difahami dan digunakan atas dasar keindahan semata-mata tanpa berkaitan dengan penyampaian makna. Oleh hal yang demikian, makalah ini membincangkan pengaplikasian prinsip stilistik dalam novel "The Missing Piece" karya Fatimah Busu. Tujuan makalah ini adalah untuk mengenal pasti prinsip stilistik dan menganalisis fungsi prinsip stilistik dalam novel "The Missing Piece" karya Fatimah Busu. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan dapatan yang lebih absah. Terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan untuk menjalankan kajian ini antaranya ialah kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks novel. Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) digunakan sebagai teori dan landasan bagi analisis kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa enam prinsip yang dikemukakan oleh J.J. Webber (1989) iaitu analisis prinsip fonologi, analisis prinsip pemilihan diksi, analisis prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis, analisis prinsip kajian semantik atau makna, analisis prinsip penelitian terhadap unsur bahasa dramatik dan prinsip gaya individualisme telah diaplikasikan dalam novel ini. Setiap prinsip stilistik terdiri daripada gaya bahasa tersendiri yang akan dihuraikan secara terperinci pada bahagian dapatan kajian. Selain itu, kajian mendapati pengaplikasian setiap prinsip stilistik dibina dengan tujuan atau fungsi tertentu seperti memperkuat nilai rasa dan memberi kesan keindahan dalam novel. Kajian ini membuktikan bahawa prinsip stilistik dalam novel memainkan peranan signifikan bagi menghasilkan karya yang berkualiti dan berkesan dalam penyampaian makna disamping mengekalkan estetika bahasa.

Kata kunci: Prinsip stilistik, J.J Webber (1989), novel, fungsi

ABSTRACT

Stylistics is a field of study that discusses the use of language in literary works, including novels. The application of stylistic principles in literary works such as novels is important in creating aesthetic value, clarifying meaning, and enhancing the effectiveness of the novel. However, there is a common perception among the public that the language used in literary works is difficult to understand and is employed purely for its beauty, without any connection to conveying meaning. Therefore, this paper discusses the application of stylistic principles in the novel The Missing Piece by Fatimah Busu. The aim of this paper is to identify stylistic principles and analyze their function in the novel The Missing Piece by Fatimah Busu. To conduct this study, the researcher adopted a qualitative approach to obtain more valid findings. Several methods were used in this study, including library research and textual content analysis of the novel. J.J. Webber's (1989) Stylistic Principles were used as the theoretical framework for this analysis. The findings of the study show that the six principles introduced by J.J. Webber (1989), namely the analysis of phonological principles, diction selection principles, syntactic or structural principles, semantic principles, dramatic language elements, and individualistic style principles, are present in the novel. Each stylistic principle encompasses a unique linguistic style, which will be elaborated upon in detail in the findings section. Additionally, the study found that the application of each stylistic principle serves specific purposes, such as reinforcing emotional resonance and enhancing aesthetic impact within the novel. This study proves that stylistic principles play a significant role in producing a high-quality and impactful literary work that effectively conveys meaning while preserving linguistic aesthetics.

Keywords*: Stylistic principles, J.J. Webber (1989), novel, functions*

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyelia dan membaca kajian ini dan pada pendapat saya, ia mematuhi piawaian penyampaian ilmiah yang boleh diterima dan sepenuhnya mencukupi, dalam skop dan kualiti, sebagai kertas projek untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

.....
Dr. Azean Idruwani binti Idrus
Penyelia

Saya mengesahkan bahawa saya telah menyelia dan membaca kajian ini dan pada pendapat saya, ia mematuhi piawaian penyampaian ilmiah yang boleh diterima dan sepenuhnya mencukupi, dalam skop dan kualiti, sebagai kertas projek untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

.....

Pemeriksa

Kertas projek ini dikemukakan kepada Jabatan Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa dan diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa.

.....
Dr. Nurul Jamilah binti Rosly
Ketua Jabatan

Kertas projek ini dikemukakan kepada Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa.

.....
Prof. Madya Dr. Mohd Azrul Azlen bin Abd. Hamid
Dekan
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Kontemporari Bahasa

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya dengan ini memperakui bahawa kertas projek tahun akhir ini adalah hasil kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Apa-apa penggunaan mana- mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan, atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan dalam kajian ini. Saya juga memperakui bahawa sebelum ini atau secara serentak kajian ini belum pernah diserahkan secara keseluruhan untuk sebarang ijazah lain di UIAM dan institusi lain.

Ain Syuhadah binti Rizuan

Tandatangan Tarikh 15 Jun 2025

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

PERAKUAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN KEGUNAAN KAJIAN YANG TIDAK DITERBITKAN

PENGAPLIKASIAN PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) DALAM NOVEL "THE MISSING PIECE" KARYA FATIMAH BUSU

Saya mengaku bahawa pemegang hak cipta kertas projek tahun akhir ini dimiliki bersama pelajar dan UIAM.

Hak cipta © 2025 oleh Ain Syuhadah binti Rizuan dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini boleh diterbitkan semua, disimpan dalam sistem pengambilan semula, atau dihantar, dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, elektronik, mekanik, salinan, rakaman atau sebaliknya tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hak cipta kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Sebarang bahan yang terkandung dalam atau diperolehi daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam tulisan mereka dengan pengakuan yang wajar.

2. UIAM atau perpustakaannya mempunyai hak untuk membuat dan menghantar salinan (cetak atau elektronik) untuk tujuan institusi dan akademik.

3. Perpustakaan UIAM akan mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem pengambilan dan membekalkan salinan penyelidikan yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti lain dan perpustakaan penyelidikan.

Dengan menandatangani borang ini, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami dasar Hak Pengkomersialan dan Pengkomersilan Harta Intelek UIAM.

Disahkan oleh Ain Syuhadah binti Rizuan

Tandatangan .... Tarikh 15 Jun 2025

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Setinggi-tinggi rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, kajian projek tahun akhir ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya, kajian yang bertajuk 'Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel "The Missing Piece" Karya Fatimah Busu' ini tidak bermakna apa-apa tanpa pertolongan dan kudrat dari-Nya.

Kajian yang dijalankan ini merupakan syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam kursus Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kampus Pagoh. Penghasilan kajian ini turut dibantu oleh beberapa pihak. Justeru, sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian projek tahun akhir ini, iaitu Dr. Azean Idruwani binti Idrus yang juga merupakan pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kampus Pagoh. Tanpa bantuan, sokongan dan perkongsian ilmu dari beliau, kajian ini tidak akan dapat diselesaikan dengan baik.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada ibu dan ayah yang banyak memberi sokongan, dorongan dan doa sepanjang kajian ini dijalankan. Doa dan restu dari ibu bapa sudah semestinya menjadi tunjang utama dalam penghasilan kajian ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan kajian ini. Hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalas jasa dan budi baik semua.

Ain Syuhadah binti Rizuan
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK ..... **i**
ABSTRACT ..... **ii**
PENGESAHAN ..... **iii**
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ..... **iv**
PERAKUAN HAKCIPTA ..... **vi**
PENGHARGAAN ..... **vi**
SENARAI KANDUNGAN ..... **vii**
SENARAI JADUAL ..... **ix**
SENARAI RAJAH ..... **x**

BAB 1 PENDAHULUAN .....
1.1 PENGENALAN 1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN 2
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN 4
1.4 OBJEKTIF KAJIAN 7
1.5 PERSOALAN KAJIAN 7
1.6 BATASAN KAJIAN 7
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN 8
1.8 DEFINISI OPERASIONAL 10
1.8.1 Stilistik 10
1.8.2 Novel 11
1.9 KERANGKA TEORITIKAL 13
1.10 KERANGKA KONSEPTUAL 16
1.11 RUMUSAN 16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 18
2.1 PENGENALAN 18
2.2 KAJIAN YANG MENGKAJI ASPEK STILISTIK DALAM NOVEL 19
2.3 KAJIAN TENTANG ASPEK STILISTIK DALAM CERPEN, PUISI DAN LIRIK LAGU 22
2.4 KAJIAN YANG MENGGUNAKAN PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) SEBAGAI TEORI KAJIAN 26
2.5 RUMUSAN 29

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 31
3.1 PENGENALAN 31
3.2 REKA BENTUK KAJIAN 31
3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA 33
3.3.1 Kajian Kepustakaan 33
3.4 KAEDAH PENGANALISISAN DATA 34
3.4.1 Analisis Kandungan Teks 34
3.5 RUMUSAN 36

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN 37

4.1 PENGENALAN 37
4.2 DAPATAN KAJIAN 37
4.2.1 Analisis Prinsip Fonologi 38
4.2.1.1 Rima 38
4.2.1.2 Asonansi 40
4.2.1.3 Aliterasi 41
4.2.2 Analisis Prinsip Pemilihan Diksi 43
4.2.2.1 Laras Bahasa Bidang Seni Halus 43
4.2.2.2 Dialek 45
4.2.3 Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis 48
4.2.3.1 Pembentukan Ayat Pendek 48
4.2.3.2 Pembentukan Ayat Panjang 50
4.2.4 Analisis Prinsip Kajian Semantik atau Makna 53
4.2.4.1 Makna Peribahasa 53
4.2.4.2 Kesanntunan dalam Berbahasa 55
4.2.4. Makna Konotatif 58
4.2.5 Analisis Prinsip Penelitian Terhadap Unsur-Unsur Bahasa Dramatik 60
4.2.5.1 Simile 61
4.2.5.2 Hiperbola 65
4.2.5.3 Metafora 68
4.2.6 Prinsip Gaya Individualisme 73
4.2.6.1 Penggunaan Analogi 73
4.2.6.2 Penggunaan Leksikal Bombastik 76
4.3 RUMUSAN 78

BAB 5 IMPLIKASI KAJIAN 80
5.1 PENGENALAN 80
5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN 80
5.3 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN 82
5.4 CADANGAN KAJIAN 83
5.5 RUMUSAN 84

RUJUKAN 85

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1:	Contoh Penggunaan Rima	37
Jadual 4.2:	Contoh Penggunaan Asonansi	39
Jadual 4.3:	Contoh Penggunaan Aliterasi	40
Jadual 4.4	Contoh Diksi (Laras Bahasa Bidang Seni Halus)	42
Jadual 4.5	Contoh Diksi (Dialek Kelantan)	45
Jadual 4.6	Contoh Pembentukan Ayat Pendek	47
Jadual 4.7	Contoh Pembentukan Ayat Panjang	49
Jadual 4.8	Contoh Pengaplikasian Peribahasa	52
Jadual 4.9	Contoh Pengaplikasian Kesantunan dalam Berbahasa	55
Jadual 4.10	Contoh Pengaplikasian Makna Konotatif	58
Jadual 4.11	Contoh Pengunaan Simile	60
Jadual 4.12	Contoh Penggunaan Hiperbola	65
Jadual 4.13	Contoh Penggunaan Metafora	68
Jadual 4.14	Contoh Penggunaan Analogi	73
Jadual 4.15	Contoh Penggunaan Leksikal Bombastik	75

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1:	Kerangka Teoritikal Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989)	13
Rajah 1.2:	Kerangka Konseptual	16

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Karya sastera merupakan hasil penulisan berbentuk kreatif yang dihasilkan melalui rangkaian kata, frasa dan ayat untuk mengungkap sebuah makna. Antara ciri-ciri signifikan sebuah karya sastera yang membezakan karya sastera dan bukan sastera adalah pada sudut ketinggian imaginasi dan kesenian bahasa yang membentuk karya sastera (Anggi Febriantia et al., 2022). Sastera berperanan sebagai wadah pendidikan dan perkembangan jati diri masyarakat melalui refleksi pengarang berdasarkan pengalaman hidup dan realiti sosial yang berlaku di sekelilingnya. Selain bagi tujuan hiburan, sastera menitipkan pesanan-pesanan moral untuk dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan seharian.

Salah satu bentuk karya sastera ialah novel. Novel merupakan sebuah karya sastera yang berisi rangkaian dan rentetan cerita yang dibina berdasarkan interpretasi dan pandangan pengarang terhadap perisitiwa yang berlaku di sekitarnya. Novel dibentuk dengan unsur intrinsik dan unsur ekstrinsik (Suci Indah Sari et al., 2021). Ini termasuklah pembinaan plot, tema, latar belakang dan gaya bahasa yang saling melengkapi untuk mencapai nilai sebuah karya sastera yang berkualiti, berkesan dan berestetika. Amelia Sundari & Abdullah Hasibuan (2025) menyatakan bahawa kesepaduan antara bentuk bahasa dan isi adalah penting untuk menimbulkan kesan yang

mendalam terhadap jiwa pembaca. Keberkesanan sesebuah novel dalam mengungkap makna dipengaruhi secara signifikan berdasarkan cara bahasa digunakan oleh pengarang. Oleh itu, untuk menilai keberkesanan penyampaian makna dalam sesebuah novel, analisis prinsip stilistik boleh dilakukan untuk mengkaji keupayaan gaya bahasa menyampaikan makna secara efektif.

Stilistik merujuk kepada ilmu yang mengkaji penggunaan gaya bahasa dalam karya sastera. Kecenderungan pengarang menerapkan sesuatu unsur bahasa secara dominan dan kerap oleh pengarang menjadi fokus utama dalam pengkajian stilistik (Topan Adiningrat et al., 2022). Analisis stilistik mengenal pasti perkaitan antara unsur bahasa yang diaplikasikan dengan pembawaan makna dan kesan terhadap pembaca. Kecekapan pengarang dalam menggunakan bahasa dalam membentuk karya yang sarat dengan nilai keindahan akan dijelaskan melalui stilistik. Secara ringkas, stilistik adalah penerangan secara sistematik tentang unsur bahasa yang menjadi pilihan pengarang dalam karyanya yang bertujuan memperjelas maksud dan memberi kesan yang mendalam kepada pembaca (Nurul Atiqah Nor Azman & Mohammad Fadzeli Jaafar, 2024).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Stilistik yang berasal daripada perkataan bahasa Inggeris “style” dan “linguistic” merupakan salah satu dari cabang bidang linguistik yang secara spesifik mengkaji penggunaan gaya bahasa dalam teks sastera. Stilistik melalui pendekatan linguisitik digunakan untuk memberi pemahaman secara sistematik dan terperinci tentang keupayaan penggunaan bahasa dalam novel dalam menimbulkan kekayaan makna, menghadirkan kesan emosi dan suasana tertentu kepada pembaca. Stilistik juga

bertujuan melihat kekreativiti dan kebijaksanaan pengarang menggunakan bahasa dan menunjukkan penyampaian makna yang bersifat individual (Zulkifli & Desy Ningsih Komalasari, 2024). Ayo Suwaryo (2022) menyatakan kemahiran pengarang memanfaatkan aspek stilistik akan menimbulkan kesan estetika yang memberi corak puitis kepada karya sastera. Penerapan unsur linguistik stilistik dalam menilai karya sastera dapat membantu dalam peningkatan terhadap penghayatan karya sastera. Bidang stilistik bermula sekitar awal abad ke-20 setelah ilmu linguistik moden diperkenalkan (Hishomudin Ahmad et al., 2024). Antara sarjana terawal yang menggunakan pendekatan stilistik termasuklah Charles Bally, Leo Spitzer dan Roman Jakobson yang mendefinisikan stilistik sebagai suatu penerangan linguistik daripada bahasa yang digunakan dalam teks sastera. Selain itu, J.J. Webber juga merupakan salah seorang tokoh linguistik barat yang melihat stilistik sebagai jambatan antara linguistik dan sastera serta memberi penekanan terhadap perkaitan antara bentuk bahasa dan makna dalam teks sastera.

Perkembangan bidang stilistik di Malaysia pula dilihat bermula pada tahun 1970. Namun, gaya bahasa ketika ini hanya dilihat sebagai ciri keindahan sastera bukan sebagai pendekatan ilmiah sepenuhnya. Hashim Awang antara sarjana Melayu yang membahaskan gaya penulisan sasterawan negara dari aspek estetika bahasa. Seterusnya, pada tahun 1982, ketika kesedaran tentang perkaitan antara linguistik dan sastera telah berkembang, sebuah buku yang membicarakan tentang stilistik iaitu “Stilistik Simposium Keindahan Bahasa” telah dihasilkan dengan suntingan oleh Farid M. Onn. Sehingga kini, stilistik semakin digunakan dalam menganalisis karya sastera tempatan sebagai kaedah untuk memperoleh pemahaman yang jitu akan teks sastera.

Hal ini termasuklah pengkajian stilistik dalam teks sastera seperti novel. Analisis stilistik dalam novel diperlukan bagi mencungkil pengetahuan tentang kaedah pengarang mengolah bahasa yang terdiri dari kata, frasa dan ayat untuk membolehkan maksud disampaikan secara jelas kepada pembaca (Wira Rahmayani et al., 2023). Prinsip dalam stilistik seperti aspek fonologi, diksi, semantik, bahasa dramatik dan pembentukan ayat mempelbagaikan gaya penulisan dalam novel, membantu dalam memberi penegasan kepada maksud, dan menambah kefahaman serta penghayatan terhadap novel. Tambahan lagi, novel merupakan sebuah karya sastera yang berbentuk naratif panjang yang memaparkan beragam peristiwa. Penerapan stilistik adalah penting untuk memberi variasi kepada teknik pengolahan bahasa, yang membawa kepada kekuatan dan estetika teks novel. Nuur Hikma Natasha Lamsah et al. (2023) menyatakan bahawa pengaplikasian stilistik membantu dalam memahami nilai estetika dan strategi pengarang dalam menyampaikan tema melalui unsur stilisitk. Penggunaan bahasa dan yang kemas juga membolehkan pembaca membayangkan secara jelas penceritaan dalam novel (Amelia Sundari & Abdullah Hasibuan, 2025). Justeru, penerapan stilistik memainkan peranan yang signifikan dalam novel kerana stilistik berkait rapat dengan penjelmaan makna, meningkatkan nilai estetika atau keindahan bahasa dan memperkukuh impak naratif kepada pembaca.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Novel sebagai sebuah karya sastera berperanan sebagai wadah penyebaran ideologi, pemikiran, idea, dan budaya kepada masyarakat. Variasi penggunaan bahasa dan elemen stilistik seperti pemilihan diksi yang menarik dan unsur simbolik dalam metafora yang kreatif adalah penting bagi mencipta gaya penceritaan yang lebih hidup dan mampu mencetuskan pengalaman pembacaan yang lebih baik dalam kalangan

pembaca. Tambahan lagi, makna dapat disampaikan secara lebih berkesan melalui penerapan elemen stilistik dalam penulisan novel. Namun begitu, kesedaran akan kepentingan pengaplikasian stilistik dalam novel adalah kurang dalam kalangan masyarakat. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah kesukaran segelintir masyarakat untuk memahami isi kandungan karya (Nur Hidayah Ismail, 2023). Ini kerana penggunaan elemen tertentu dalam penulisan novel yang menimbulkan kekaburan dan samar-samar dalam proses menghayati karya. Masyarakat beranggapan bahawa kesusasteraan Melayu adalah kompleks dan sukar dipelajari. Penggunaan laras bahasa yang tinggi, terlalu puitis dan berbunga-bunga yang memerlukan pembacaan secara berulang kali dirasakan mengganggu proses penghayatan terhadap novel dan membawa kepada kebosanan sekaligus menjejaskan motivasi untuk meneruskan pembacaan.

Selain itu, penguasaan masyarakat terhadap aspek sastera turut menjadi cabaran yang mendorong kepada kajian ini. Masyarakat khususnya golongan remaja didapati memiliki penguasaan yang lemah terhadap aspek sastera (Abdul Rasid Jamian, 2023). Terdapat remaja yang belum mahir membina karangan berbentuk cerpen walaupun telah diberikan pendedahan di sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengetahuan remaja khususnya pelajar sekolah terhadap gaya bahasa dan aspek stilistik adalah amat terhad dan sedikit. Pelajar tidak mempunyai kemampuan untuk menghasilkan sebuah penulisan sastera dengan pengaplikasian gaya bahasa dan aspek stilistik. Senario ini dikeruhkan lagi apabila Abdul Rasid Jamian (2023) mendapati bahawa tidak ramai daripada pelajar sekolah yang meminati pembelajaran subjek sastera. Hal ini kerana, pelajar berpendapat bahawa penggunaan konsep yang kurang jelas dalam penulisan karya telah mendatangkan kekaburan dalam memahami makna.

Seterusnya, wujud pemikiran dan anggapan bahawa teks sastera dibina dengan bahasa berbunga semata-mata tanpa fungsi yang jelas. (Muhamad Aniq Azlan & Mohd Syuhaidi Abu Bakar, 2019). Oleh kerana sastera adalah karya berbentuk fiksyen, maka masyarakat mengira bahawa kebanyakan sastera termasuk karya novel dibina atas dasar rekaan tanpa menitikberatkan akan aspek makna. Pemikiran sebegini nyatanya tidak tepat dan menyimpangi fungsi dan peranan sastera. Sastera adalah lambang kepada keindahan bahasa dan merupakan alat komunikasi. Sastera mengajarkan nilai-nilai murni dan positif yang harus diterapkan dalam kehidupan (Norsazliyana Mohamed Yusof, 2022). Sebagai wadah komunikasi, maka penggunaan bahasa yang diterapkan dalam karya sastera seperti novel adalah berkait rapat dengan penyampaian makna. Unsur dan gaya bahasa yang digunakan bukan hanya untuk tujuan keindahan bahasa semata-mata, namun mengandungi tujuan dan peranan tersendiri dalam menyampaikan makna dan intipati kepada masyarakat melalui penulisan sastera.

Oleh itu, timbul keperluan untuk kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaplikasian prinsip-prinsip stilistik dalam novel dan fungsi disebalik pengaplikasian prinsip stilistik tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi menghuraikan prinsip stilistik yang digunakan dan mencungkil keupayaan prinsip stilistik dalam memberi kejelasan terhadap makna dan keberkesanan novel. Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan tentang salah satu aspek penting yang menjadi nadi utama dalam penghasilan sastera iatu aspek bahasa melalui penerapan aspek stilistik.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

a) mengenal pasti prinsip stilistik dalam novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu

b) menganalisis fungsi prinsip stilistik dalam novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berlandaskan persoalan-persoalan berikut:

a) Apakah prinsip stilistik yang digunakan oleh pengarang dalam novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu?

b) Apakah fungsi prinsip stilistik dalam novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu?

1.6 BATASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan beberapa had atau limitasi untuk memastikan kajian dijalankan dengan lebih tersusun dan terperinci. Penetapan batasan ini juga bagi membolehkan pengkaji menumpukan perhatian kepada elemen-elemen yang bermakna dan bertepatan dengan matlamat dan fokus kajian. Beberapa limitasi yang telah ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

Bahan kajian yang akan dianalisis dalam kajian ini hanya terbatas kepada teks novel Melayu yang bertajuk “The Missing Piece” oleh Fatimah Busu. Data dipilih secara rawak daripada teks novel yang terdiri daripada 60 bab dengan halaman berjumlah 724 muka surat. Hanya 49 data yang dipilih untuk dianalisis pada bahagian dapatan kajian.

Selain itu, teori yang akan digunakan dalam kajian ini hanya berlandaskan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang mengemukakan enam prinsip stilistik iaitu analisis prinsip fonologi, analisis prinsip pemilihan diksi, analisis prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis, analisis prinsip kajian semantik atau makna, analisis prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik dan prinsip gaya individualisme.

Seterusnya, kajian ini hanya memfokuskan analisis data terhadap aspek prinsip stilistik dan fungsi prinsip stilistik dalam teks novel "The Missing Piece". Hanya penggunaan bahasa yang merujuk kepada prinsip stilistik akan dikenal pasti, dianalisis dan dikaji dalam kajian ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini menyumbang dengan signifikan terhadap perkembangan bidang stilistik. Dengan penerapan prinsip stilistik J.J. Webber (1989) dalam penganalisisan dan penelitian teks sastera tempatan, kajian ini terus membuka ruang baharu dalam ruang lingkup pengkajian sastera khususnya dalam memahami cara bahasa digunakan secara berkesan untuk menyampaikan makna dan mesej tersirat dalam karya sastera. Prinsip stilistik Webber yang menjadi dasar kepada analisis teks sastera membolehkan penghayatan yang lebih mendalam terhadap unsur simbolik dan keberkesanan bahasa dalam teks. Ini secara tidak langsung, menunjukkan kemampuan teori Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) sebagai salah satu teori yang menganalisis penggunaan bahasa dalam karya sastera. Oleh itu, diharapkan kajian yang mengaplikasikan Prinsip Stilistik Webber sebagai teori kajian boleh diteruskan dalam menganalisis karya sastera tempatan.

Selain itu, kajian ini turut berkepentingan kepada penulis karya sastera. Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan tentang kepelbagaian kaedah dan bentuk prinsip stilistik yang boleh diaplikasikan dalam karya sastera para penulis pada masa akan datang. Kajian ini penting bagi memperkenalkan keunikan bahasa yang digunakan oleh Fatimah Busu untuk dijadikan sebagai rujukan oleh para penulis. Para penulis dapat mengambil contoh daripada penggunaan bahasa oleh Fatimah Busu dan mengolah dengan cara dan kaedah tersendiri. Apatah lagi kajian ini mengkaji karya oleh seorang sasterawan negara yang masyhur dan banyak menerima anugerah. Walaupun sudah bergelar penulis, penulis tidak dapat terlepas daripada tugas membaca untuk memperbaiki gaya penulisan, mengumpul idea dan serta mengambil inspirasi menerusi karya orang lain. Justeru, kajian ini penting kepada penulis agar dapat menerokai kebijaksanaan pengarang menggunakan bahasa dalam usaha mengungkap pemikiran dan makna dalam karya.

Disamping itu, kajian ini juga membawa kepentingan kepada pembaca. Kajian ini penting untuk dijalankan bagi menambah pengetahuan dari sudut prinsip stilistik, makna tersirat melalui variasi bahasa berunsur kiasan, dan memperkaya perbendaharaan kata. Hal ini kerana, kajian ini akan membincangkan pelbagai leksikal, terma dan ungkapan yang jarang digunakan sama ada dalam penulisan karya mahupun pertuturan harian. Ini membolehkan pembaca mempelajari perkara baharu mengenai bahasa ibunda dan menambah kecintaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Pembaca juga dapat mengetahui makna tersirat dan fungsi daripada prinsip stilistik yang diterapkan dalam novel “The Missing Piece”. Justeru, kajian ini berusaha memberikan penerangan yang jelas tentang maksud-maksud yang mungkin samar pada perspektif

pembaca ketika membaca novel “The Missing Piece” melalui interpretasi yang akan dibincangkan pada bahagian dapatan kajian.

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

1.8.1 Stilistik

Istilah “stilistik” berakar dari kata “style” yang bermaksud gaya. Ratna dalam Mochamed Faizun (2019) mendefinisikan stilistik sebagai ilmu tentang gaya, sementara “style” secara umumnya merujuk kepada cara yang khusus dalam mengungkap sesuatu dengan kaedah tertentu.

Selain itu, Muhammad Ameer Shauqi et al. (2020) menyebutkan bahawa stilistik ialah ilmu linguistik yang diperluas dalam bidang sastera dengan memberi penekanan terhadap kajian tentang bahasa manakala Topan Adiningrat et al. (2024) menyatakan bahawa stilistik ialah ilmu yang mengkaji penggunaan gaya bahasa khususnya dalam karya sastera. Tambahan lagi, Ayu Suwaryo (2022) menyatakan bahawa matlamat utama daripada analisis stilistik adalah supaya dapat membincangkan keindahan dari isi dan makna yang terkandung dalam penggunaan gaya bahasa pada teks sastera.

Anggi Febrianty et al. (2022) pula mendefinisikan stilistik sebagai cabang linguistik yang menerokai gaya bahasa. Penggunaan gaya bahasa dalam stilistik harus mampu memberikan kesan keindahan tertentu yang menjadi ciri khas pengarang untuk mencapai tujuannya masing-masing seperti mengungkapkan jiwa, pemikiran dan keperibadiannya dalam sebuah tulisan.

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa stilistik ialah gaya, cara atau kaedah bahasa digunakan dalam karya sastera bagi mengungkap sebuah makna

tertentu secara berkesan dan mendalam serta sarat dengan nilai keindahan. Hasil dari pengkajian terhadap aspek stilistik membolehkan seseorang mengetahui bagaimana pengarang memanfaatkan kebijaksanaan dan kekreatifan beliau dalam mewujudkan kesan estetika melalui rangkaian kata-kata yang dibentuk secara unik, puitis dan variasi. Stilistik juga memperlihatkan perbezaan penggunaan bahasa yang menjadi identiti seseorang penulis karya.

1.8.2 Novel

Istilah “novel” berasal daripada bahasa Latin iaitu novellas, yang terbentuk dari kata “novus” yang bererti baharu. Novel didefinisikan sebagai sebuah karya sastera yang lebih pendek daripada roman namun jauh lebih panjang daripada cerpen. Kebiasaannya, isi novel mengangkat peristiwa penting dan menarik dari kehidupan seseorang, disampaikan secara ringkas namun tetap berfokus pada inti cerita. (Zulkifli & Desy Ningsih Komalasari, 2024).

Ade Ferihan et al. (2021) menyatakan novel merupakan sebuah karya yang mengandungi struktur lengkap dalam menggambarkan pelbagai peristiwa yang berlaku dalam realiti kehidupan. Kandungan novel turut terdiri daripada isu atau konflik tertentu yang disertai dengan usaha untuk menguruskan konflik tersebut.

Seterusnya, novel juga digambarkan sebagai sebuah karangan yang memaparkan perbuatan watak-watak berdasarkan isi hati dan jiwa mereka, yang kemudian diolah menjadi sebuah cerita sesuai dengan maksud dan tujuan pengarang. (Yolanda et al., 2024).

Zulkifli (2024) pula menyebutkan novel sebagai sebuah karya fiksi yang membicarakan tentang sebuah dunia, iaitu dunia yang berisi model kehidupan yang

diidealkan, dunia imaginatif. Novel dihasilkan melalui berbagai-bagai unsur intrinsik seperti peristiwa, plot, watak, perwatakan, latar, sudut pandang, dan lain-lain yang juga bersifat imaginatif.

Berdasarkan definisi daripada beberapa sarjana di atas, dapat disimpulkan bahawa novel merupakan sebuah karya fiksyen yang lahir dari daya imaginasi dan refleksi pengarang berdasarkan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya untuk menyampaikan sebuah mesej melalui penceritaan yang terdiri daripada unsur intrinsik seperti peristiwa, plot, watak, perwatakan dan lain-lain yang saling melengkapi untuk membina sebuah karya sastera yang berkualiti dan berkesan.

1.9 KERANGA TEORITIKAL

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini merupakan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989). Enam prinsip kajian stilistik akan dikemukakan dalam kajian ini. Enam prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) meliputi Analisis Prinsip Fonologi, Analisis Prinsip Pemilihan Diksi, Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis, Analisis Prinsip Kajian Makna atau Semantik, Analisis Prinsip Penelitian Unsur-Unsur Bahasa Dramatik dan Prinsip Gaya Individualisme. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teoritikal bagi kajian ini.


PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989)
Analisis Prinsip Fonologi
Analisis Prinsip Pemilihan Diksi
Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan
Analisis Prinsip Kajian Semantik atau Makna
Analisis Prinsip Penelitian Unsur-unsur Bahasa Dramatik
Prinsip Gaya Individualisme

Rajah 1.1 Prinsip Stilistik J.J Webber (1989)

Menurut J.J. Webber (1989), Analisis Prinsip Fonologi merupakan kajian yang melihat rangkai kata yang mengandungi kesepaduan bunyi. Penelitian fonologi oleh Webber melibatkan penelitian sebarang bunyi bahasa seperti pengulangan bunyi pada awal, akhir dan tengah perkataan. Prinsip fonologi melibatkan kajian terhadap taburan penggunaan bunyi seperti penelitian aspek asonansi, aliterasi, anafora, responsi, rima dan epifora. Kekerapan penggunaan bunyi berperanan menimbulkan kesan estetika dan kekuatan pada penyampaian makna. Selain itu, stilistik juga menerokai sudut-sudut perbezaan atau variasi dalam penggunaan bunyi.

Seterusnya, Analisis Prinsip Diksi yang diperkenalkan dalam prinsip stilistik J.J. Webber (1989) pula merujuk kepada pemilihan perkataan yang bersesuaian dengan tema atau tajuk sesuatu karya untuk mengungkapkan idea secara lisan atau bertulis (J.J. Webber, 1989). Menurut J.J. Webber (1989), pemilihan diksi yang relevan dan bersesuaian membolehkan penyampaian jalan cerita selari dengan kosa kata yang dipilih. Antara yang diperhatikan berdasarkan prinsip ini termasuklah laras bahasa,

penggunaan bahasa asing, dialek. Analisis prinsip diksi adalah penting untuk kerana pemilihan diksi mampu melambangkan tema novel secara keseluruhan. Pemilihan diksi yang tepat menentukan keberkesanan sesebuah karya dan meninggalkan kesan kepada pembaca.

Prinsip stilistik berikutnya ialah Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat Atau Struktur Analisis. Prinsip Pembentukan Ayat merupakan penelitian terhadap cara suatu ayat dibina (J.J. Webber, 1989). Prinsip ini merangkumi susunan ayat dari sudut panjang dan pendek. Menurut J.J. Webber (1989), keupayaan pengarang menghasilkan pelbagai bentuk ayat melahirkan gambaran yang realistik kepada pembaca. Setiap bentuk ayat memberi kesan yang tersendiri. Walaupun ayat dibina dengan bentuk ayat pendek, pembaca masih dapat memahami dengan jelas Oleh itu, pembinaan ayat panjang atau pendek harus sesuai dengan suasana dan situasi peristiwa serta tujuan penyampaian isi.

Di samping itu, Analisis Prinsip Kajian Semantik atau Makna merupakan kajian terhadap makna tersurat mahupun tersirat (Webber, 1989). Stilistik amat menekankan pemahaman terhadap makna dan makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa semantik menurut Webber ialah, penggunaan bahasa bermula dengan taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat merupakan elemen yang terlibat dalam penghasilan makna. Disamping melihat aspek deviasi dalam makna, prinsip ini mengemukakan unsur-unsur ambiguiti dan ketaksaan yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah novel yang menarik serta berkesan terhadap pembaca.

Prinsip stilistik seterusnya iaitu Analisis Prinsip Penelitian Unsur-unsur Bahasa Dramatik, merujuk kepada bahasa yang mengandungi gaya yang berfungsi

mewujudkan pelbagai kesan imaginatif. Ciri-ciri unsur bahasa dramatik termasuklah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti persaan suka, sedih, marah dan sebagainya. Antara unsur-unsur yang dikategorikan sebagai unsur bahasa dramatik ialah simile, aforisme (peribahasa dan bidalan), stikometri (untuk menegangkan plot) dan sebagainya. Secara ringkas, stilistik melihat unsur apa yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan cara unsur tersebut dicerap dalam karya. Penggunaan unsur-unsur dramatik dalam sebuah karya adalah penting kerana berperanan menghasilkan karya sastera yang indah.

Akhir sekali, elemen dalam prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) termasuklah Prinsip Gaya Individualisme iaitu prinsip yang memfokuskan gaya invidualisme yang merujuk kepada identiti yang ingin diserlahkan oleh pengarang melalui penulisan karyanya. Menurut Webber (1989), stilistik amat mementingkan keindahan bahasa. penggunaan bahasa oleh seorang pengarang melambangkan identiti pengarang tersebut. Melalui pengaplikasian prinsip gaya individualisme, karya penulisan seseorang pengarang mudah dikenali oleh pembaca. Dalam perspektif yang lebih jitu, gaya individualisme bererti gaya penulisan peribadi seseorang penulis. Prinsip ini melihat aspek dan gaya bahasa yang paling kerap digunakan secara berulang sehingga layak disebut sebagai ciri khas milik seseorang pengarang ketika menulis karya beliau.

1.10 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual merupakan suatu aliran kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tujuan dan fasa-fasa dalam kajian ini. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.


TAJUK
Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel "The Missing Piece" Karya Fatimah Busu
TEORI
Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989)
KAEDAH KAJIAN
Kaedah Kepustakaan
OBJEKTIF
1) Mengenal prinsip stilistik dalam novel "The Missing Piece" Karya Fatimah Busu
2) Menganalisis fungsi prinsip stilistik dalam novel "The Missing Piece" Karya Fatimah Busu
BAHAN KAJIAN
Kandungan teks novel bertajuk "The Missing Piece" oleh Fatimah Busu
ANALISIS KAJIAN
Kaedah Analisis Kandungan
DAPATAN KAJIAN
Rumusan
Implikasi
Cadangan

Rajah 1.2 Kerangka Konseptual

1.11 RUMUSAN

Kesimpulannya, bab ini telah menjelaskan keperluan kajian ini dijalankan. Aspek stilistik adalah salah satu aspek penting dalam pengkajian bahasa khususnya dalam karya sastera untuk melihat kepelbagaian teknik dan gaya bahasa digunakan dalam mengungkap makna secara estetik dan berkesan kepada pembaca. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa novel sebagai karya sastera bukan berfungsi sebagai alat hiburan semata-mata namun kaya dan sarat dengan khazanah bahasa yang berharga

dan bermakna yang masih memerlukan ruang untuk didokumentasi dan dibincangkan secara ilmiah. Oleh itu. kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat tentang variasi jenis pengaplikasian prinsip stilistik yang memainkan peranan signifikan dalam menyampaikan makna, nuansa dan identiti pengarang. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan kajian terdahulu yang menjalankan kajian terhadap prinsip stilistik dalam novel.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Sorotan literatur merupakan penganalisisan terhadap kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan secara kritikal dan mendalam. Synder (2019) menyatakan bahawa sorotan literatur boleh diumpamakan sebagai kaedah sistematik yang mengumpul dan mensinstesis penyelidikan lampau. Bab ini memainkan peranan penting dalam membantu penggkaji mengenal pasti konsep utama, pemilihan teori yang sesuai, serta menentukan pendekatan berdasarkan kaedah yang telah ditunjukkan dalam kajian lepas. Bab ini juga berfungsi bagi menilai kewujudan jurang, sekali gus memperkukuh justifikasi terhadap kepentingan kajian ini dijalankan.

Paul & Criado (2020) menyatakan bahawa mempertimbangkan perkembangan terkini dan trend penyelidikan semasa adalah penting bagi memastikan kerelevanan kajian. Hal ini bagi memastikan kajian yang bakal dijalankan tidak hanya mengulangi penyelidikan terdahulu namun memastikan dapatan yang diperoleh adalah selari dengan tuntutan semasa serta dapat menyumbang kepada perkembangan bidang akademik. Oleh yang demikian, analisis secara sistematik dan terperinci terhadap kajian terdahulu haruslah dijalankan agar dapat membawa hala tuju kajian ke arah yang lebih bermakna dan berkualiti.

2.2 KAJIAN YANG MENGKAJI ASPEK STILISTIK DALAM NOVEL

Beberapa kajian terdahulu telah meneliti aspek stilistik dalam novel, antaranya kajian oleh Desy Ningsih Komalasari, Zulkifli, Ahmadin dan Didit Haryadi (2025) yang bertajuk "Analisis Fungsi dan Makna Metafora dalam Novel Tenun Biru Karya Ugi Agustono: Kajian Stilistika". Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan metafora dalam novel Tenun Biru, dengan objektif untuk menganalisis fungsi dan maknanya. Dapatan menunjukkan empat fungsi utama metafora, iaitu fungsi informasi, ekspresif, direktif dan fatik.

Selain itu, Shafa Salsabila Ali (2025) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Gaya Bahasa Kiasan pada Novel Respati Karya Ragiel J.P (Kajian Stilistika)". Kajian ini berfokuskan kepada penelitian terhadap gaya bahasa kiasan dan makna perkataan yang digunakan dalam novel "Respati". Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan unsur gaya bahasa yang terdapat dalam novel Respati. Hasil penelitian memperlihatkan gaya bahasa kiasan yang merangkumi gaya bahasa metafora, simile, personifikasi dan eponim. Kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan telah menyumbang kepada pemahaman yang mendalam terhadap makna perkataan dalam novel.

Seterusnya, kajian yang bertajuk "Analisis Bentuk Metafora dalam Novel Tenun Biru Karya Ugi Agustono: Kajian Stiliska" oleh Zulkifli dan Desy Ningsih Komalasari (2024). Objektif kajian ini adalah untuk meneliti bentuk, fungsi dan makna metafora yang terdapat dalam novel "Tenun Biru". Dapatan kajian menunjukkan beberapa jenis gaya bahasa metafora iaitu merangkumi metafora antropomorfik, metafora sinestetik, metafora abstrak kepada konkrit, metafora mati, dan metafora hidup.

Seterusnya ialah kajian oleh Saskia Noviyanti, Siti Ansoriyah dan Shafruddin Tajuddin (2023) yang bertajuk "Peran Gaya Bahasa dalam Membangun Wacana Pada Novel Rasa Karya Tere Liye: Kajian Stilistika". Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti fungsi dan gaya bahasa dalam membentuk wacana. Kajian ini mengemukakan data berkaitan aspek diksi, kohesi (gramatikal dan leksikal), koherensi (hubungan logik), serta unsur retorik seperti bahasa figuratif dan citraan. Dapatan menunjukkan bahawa gaya bahasa yang pelbagai memperkukuh unsur intrinsik, menyerlahkan dinamika wacana dan menambah variasi bentuk bahasa dalam novel.

Dalam kajian oleh Soenandar Pritojosoa, Juanda dan Faisal (2022) yang bertajuk "Citraan dalam Novel Di Kaki Bukit Cibalak Karya Ahmad Tohari: Kajian Stilistika", penyelidik menjalankan kajian dengan objektif untuk menghuraikan jenis-jenis imejan dan fungsinya dalam karya tersebut. Sebanyak 319 data imejan dikenal pasti melibatkan imejan visual, auditori, kinestetik, sentuhan haba, dan olfaktori. Kajian ini merumuskan tiga fungsi utama imejan iaitu memperjelas gambaran, menghidupkan pengalaman deria, dan membangkitkan suasana.

Seterusnya, kajian oleh Zubaidatul Mardliyah, Sutejo dan Cutiana Windri Astuti (2021) iaitu "Kajian Stiliska Dalam Novel Hati Suhita Karya Khilma Anis" meneliti gaya bahasa berdasarkan teori stilistik. Objektif kajian ini adalah untuk merungkai penggunaan gaya bahasa dalam novel "Hati Suhita". Empat kategori gaya bahasa dikenal pasti iaitu perbandingan (contohnya personifikasi, alegori), pertentangan (hiperbola, paradoks), pertautan (metonimia, eufemisme, alusi), dan perulangan (anafora, aliterasi, epistrofa).

Akhir sekali, kajian oleh Rahayu Rizky Prathamie, Nurrudin dan Miftahulkhairah Anwar (2021) yang bertajuk “Diksi dan Gaya Bahasa dalam Novel Waktu Aku Sama Mika (Kajian Stilistika)” menganalisis penggunaan pelbagai gaya bahasa dalam novel tersebut. Dapatan menunjukkan empat kategori utama iaitu perbandingan (simile, simbolik), penegasan (repetisi, enumerasio), pertentangan (paradoks), dan sindiran (sarkasme), yang kesemuanya berperanan dalam memperkukuh gaya penceritaan novel.

Kesimpulannya, penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu yang mengkaji aspek stilistik dalam novel menunjukkan bahawa novel sebagai sebuah karya sastera yang unik, menarik dan bermanfaat untuk diterokai. Kajian terdahulu telah memperlihatkan kebijaksanaan pengarang menggunakan gaya bahasa yang variatif, beraneka ragam dan versetail dalam usaha mengungkapkan mesej dan gagasan tertentu dalam novel. Keupayaan gaya bahasa menyumbang kepada keberkesanan novel sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakat membuktikan kepentingan memanfaatkan penggunaan bahasa dalam novel. Tambahan lagi, kajian lepas memperlihatkan bahawa setiap pengarang mempunyai gaya bahasa tersendiri dalam menyampaikan penceritaan dan ini membentuk identiti seseorang pengarang. Perbezaan gaya bahasa dalam setiap penulisan novel menjadikan sesebuah novel mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri. Oleh yang demikian, ini membuktikan bahawa pengkajian terhadap gaya bahasa atau aspek stilistik dalam novel adalah relevan sehingga kini dan wajar diteruskan dengan beberapa penambahbaikan tertentu bagi mencungkil keunikan dan keistimewaan yang terdapat dalam novel khususnya dari aspek bahasa yang digunakan sebagai medium ekspresif dan komunikatif. Jika disoroti lebih mendalam, kajian-kajian terdahulu bukan hanya

memperlihatkan persamaan dari sudut bahan kajian iaitu teks novel, namun metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji lepas juga menunjukkan persamaan yang ketara. Semua kajian tersebut mengaplikasikan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah analisis kandungan teks sebagai kaedah penganalisisan data. Pembacaan penuh dijalankan terhadap teks novel yang menjadi bahan kajian kemudian dianalisis dan dijelaskan secara analisis deskriptif. Penggunaan kaedah kualitatif dalam setiap kajian lampau membuktikan keupayaan kaedah kajian kualitatif untuk menerangkan fenomena penggunaan bahasa dalam teks novel. Walaubagaimanapun, kajian yang mengkaji aspek stilistik dalam novel hasil penulisan sasterawan negara dilihat masih berada pada tahap sederhana khususnya sasterawan wanita. Sehubungan dengan itu, melihat kepada keberjayaan kajian lampau menyerlahkan penggunaan gaya bahasa yang unik dalam novel dan disertai dengan kaedah kajian kualitatif, pengkaji memilih untuk meneruskan penyelidikan terhadap teks novel dengan memilih teks novel "The Missing Piece" karya Fatimah Busu sebagai bahan kajian.

2.3 KAJIAN ASPEK STILISIK DALAM CERPEN, PUISI DAN LIRIK LAGU

Muhamad Salafudin dan Rosita Sofyaningrum (2024) telah menjalankan kajian "Menelusuri Keindahan Gaya Bahasa: Rahasia Stilistika dalam Cerpen Pernahkah Kau Menjadi Ikan? Karya Gus TF Sakai". Objektif kajian ini adalah untuk meneliti carra bahasa digunakan oleh pengarang bagi mewujudkan kesan estetika dan mendalam. Penelitian kajian ini berfokus kepada kemampuan cerpen tersebut mengeksplorasi tema transformasi, kekecewaan, dan konfrontasi dengan kenyataan melalui penggunaan gaya bahasa yang kaya dan pelbagai. Hasil penelitian menunjukkan bahawa pemilihan diksi yang cermat, variasi struktur kalimat dan penggunaan bahasa figuratif retorik yang kreatif mampu menyampaikan emosi dan tema cerita secara efektif. Pemilihan diksi

seperti “menjelma” dan “blue devil” menunjukkan transisi antara mimpi dan dunia realiti. struktur kalimat yang variatif pula menciptakan kedinamikan yang mencerminkan perubahan emosi. Selain itu, bahasa figuratif seperti metafora, simile dan personifikasi membentuk pelbagai unsur simbolik dalam penceritaan.

Seterusnya, Rosmawaty Harahap, Alda Nafisa, Anggreiny Damanik, Atnes Hutagaol, Dian Sastra Sinaga, Gladys Felicia Manik, Rianggi Manalu dan Mariana Yulistia Sinaga (2024) telah menjalankan kajian “Analisis Stilistik pada Puisi Sajak Tafsir Karya Sapardi Djoko Damono Berdasarkan Pendekatan Objektif”. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan makna puisi melalui penggunaan bahasa yang sarat dengan unsur simbolisme. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan metafora melalui simbolisme alam yang wujud dalam puisi ini seperti “daun terakhir”, angin, api dan abu mampu menggambarkan ketakutan, kerapuhan dan pengorbanan cinta. Unsur metafora mencerminkan perjalanan emosional manusia dan lambang kepada kebebasan, kerentanan dan perjuangan manusia.

Seterusnya, Jafar, Rosary Iriany dan Nuzul Tenriana (2024) telah menjalankan kajian “Kumpulan Gaya Bahasa Sapardi Djoko Damono (Kajian Stilistika)”. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa dalam puisi “Perahu Kertas” oleh Sapardi Djoko Damono. Dapatan kajian menunjukkan puisi ini mengandungi gaya bahasa retorik yang terdiri daripada gaya bahasa aliterasi, asonansi, anastrof, asidenton dan polisindeton. Sementara itu, gaya bahasa yang dominan digunakan ialah gaya bahasa asonansi.

Di samping itu, Topan Adiningrat, Teti Sobari dan Woro Wuryani (2022) menjalankan kajian “Analisis Stilistika dalam Puisi ‘Sajak Doa Orang Lapar’ Karya Ws Rendra”. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa dan pembentukan kata melalui pendekatan stilistik pada puisi “Sajak Doa Orang Lapar”. Dapatan kajian

memperlihatkan dua jenis gaya bahasa iaitu gaya bahasa perbandingan dan penegasan. Gaya bahasa perbandingan merangkumi hiperbola, repetisi dan metafora. Gaya bahasa penegasan pula meliputi pleonasme, paralelisme dan asosiasi. Pengarang puisi berjaya menonjolkan pelbagai aspek pembentukan kata yang kuat dan tidak terduga. Kekreatifan penggunaan bahasa dan sifat pengarang yang kritis telah berjaya mengungkapkan situasi kehidupan orang miskin yang kelaparan.

Lanjutan itu, kajian "Analisis Majas dan Citraan Pada Puisi "Bawa Saja Aku" Karya Heri Isnaini Dengan Pendekatan Stiliska" telah dijalankan oleh Anggi Febriantia, Silva Caesarani Destianab dan Moch Ichsan Nugraha (2022). Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan gaya bahasa dalam puisi "Bawa Saja Aku". Hasil dari penelitian menunjukkan puisi ini mengandungi makna denotasi dan makna konotasi dalam setiap bait puisi. Dapat dilihat bahawa gaya bahasa personifikasi turut digunakan dalam penulisan puisi manakala citraan yang terdapat dalam puisi ini termasuklah citraan visual (mata), citraan gerak, citraan perasaan dan citraan pendengaran.

Setelah itu, kajian "Analisis Stilistika Lirik Lagu "Asmalibrasi" Karya Soegi Bornean" telah dijalankan oleh Ayo Suwaryo (2022). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji aspek diksi konotasi dan penggunaan gaya bahasa yang pelbagai dalam lirik lagu "Asmalibrasi". Dapatan kajian memperlihatkan bahawa majoriti pemilihan diksi oleh penulis lirik adalah berbentuk konotatif. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan merangkumi unsur metafora, alegori dan hiperbola.

Ambarul Fatima Setiawati, Dara Mela Ayu, Sinta Wulandari, dan Vita Agustiawati Putri (2021) pula telah menjalankan kajian yang berjudul "Analisis Gaya Bahasa Dalam Lirik Lagu "Bertaut" Nadin Amizah: Kajian Stiliska". Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa dan makna yang terdapat dalam lirik lagu

“Bertaut” karya Nadin Amizah. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan gaya bahasa retorik yang lebih tinggi berbanding gaya bahasa kiasan.

Ida Yeni Rahmawati (2021) pula telah melaksanakan kajian “Analisis Stiliska Dalam Cerpen Dongeng Penunggu Surau Karya Joni Ariadinata”. Objektif dari penelitian ini adalah untuk menganalisis gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam usaha membentuk cerita menjadi sebuah cerita pendek yang menarik. Unsur yang menjadi fokus kajian ini adalah unsur leksikal, gramatikal, penggunaan retorik, dan penggunaan kohesi dalam cerpen “Dongeng Penunggu Surau”. Hasil kajian menunjukkan bahawa dari aspek leksikal, terdapat 953 kata yang terdiri dari 425 kata benda, 220 kata sifat, 215 kata kerja, 58 kata tugas, 35 kata bilangan. Bagi aspek gramatikal, terdapat frasa edosendtrik dan ekosentrik serta pelbagai jenis klausa dan kalimah. Sementara itu, aspek retorika memperlihatkan beberapa jenis gaya bahasa, struktur ayat dan pencitraan.

Selain itu, Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed dan Mohd Najib Abdul Rahim (2020) telah menjalankan kajian “Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah”. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis aspek stilistik atau gaya bahasa dalam teks Melayu klasik, iaitu Hikayat Abdullah (1849), karya Abdullah Munsyi. Terdapat dua kategori yang difokuskan daripada kerangka ini, iaitu kategori leksikal dan penggunaan bahasa kiasan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengarang masih mengekalkan gaya bahasa kreatif dari segi penggunaan leksikal yang diabstrak bagi mengimplimentasikan makna. Bagi kategori bahasa kiasan pula, pola leksikal dan nahuan memperlihatkan kesejajaran makna dan penegasan unsur peristiwa. Penggunaan trope menjelaskan cara pengarang menggunakan unsur persekitaran bagi memaparkan peristiwa yang berlaku.

Kesimpulannya, pengkajian aspek stilistik telah banyak dijalankan dalam pelbagai karya sastera termasuk cerpen, lirik lagu, puisi dan teks melayu klasik. Sememangnya karya sastera adalah sesuatu yang indah, berseni dan halus. Setiap karya sastera mengandungi ciri-ciri bahasa tersendiri bergantung kepada kebijaksanaan dan kemahiran pencipta sastera dalam menyusun perkataan lalu membentuk sesuatu yang indah dan memberi manfaat kepada masyarakat. Jelasnya, pendekatan stilistik mampu merungkai penggunaan gaya bahasa dalam karya sastera. Namun, karya seperti cerpen, lirik lagu, dan puisi adalah termasuk bentuk sastera yang ringkas dan kajian terhadap penggunaan gaya bahasa adalah cenderung kepada skala yang lebih terhad berbanding novel yang terdiri daripada elemen yang lebih kompleks. Oleh itu, terdapat pelbagai ruang yang boleh dikaji dalam novel berikutan pengaplikasian pelbagai teknik stilistik yang lebih variasi dan beragam. Jika diamati dengan mendalam, kajian lepas cenderung mengkaji jenis gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang tanpa membincangkan perkaitannya dengan fungsi penggunaan gaya bahasa tersebut. Sehubungan itu, pengkaji menetapkan untuk menjalankan kajian dengan menjadikan novel sebagai bahan kajian berbanding puisi, lirik lagu dan cerpen dengan mengkaji fungsi gaya bahasa sebagai satu elemen tambahan selain mengkaji jenis gaya bahasa.

2.4 KAJIAN YANG MENJADIKAN PRINSIP STILISTIK J.J. WEBBER (1989) SEBAGAI TEORI KAJIAN

Antara kajian yang menggunakan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) sebagai teori kajian ialah kajian yang bertajuk “Analisis Stilistik Dalam Novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama” oleh Azean Idruwani Idrus dan Nurafiqah Haziah Basir (2024). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis stilistik dalam novel “Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama” berpandukan prinsip stilistik J.J. Webber

(1989). Hasil dapatan kajian menunjukkan keenam-enam prinsip yang dikemukakan oleh J.J. Webber (1989) iaitu Analisis Prinsip Fonologi, Analisis Prinsip Pemilihan Diksi, Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis, Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik, Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik dan Prinsip Gaya Individualisme didapati telah diaplikasikan dalam penulisan novel tersebut. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan stilistik memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk ayat yang mengandungi nilai estetika tersendiri sekaligus meningkatkan keberkesanan penyampaian makna.

Selain itu**,** Nur Alisa Ramli dan Mohamad Rozi Kasim (2023) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin". Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis prinsip-prinsip stilistik oleh Webber (1989) dalam novel "Pantai Kasih". Dapatan kajian memperlihatkan implementasi lima prinsip yang diketengahkan oleh Webber (1989). Misalnya, prinsip pemilihan diksi menunjukkan penggunaan laras sains, analisis pembentukan ayat memaparkan penggunaan ayat pendek dan panjang, analisis prinsip kajian semantik mempamerkan makna konotatif, analisis unsur bahasa pula dijelaskan melalui gaya bahasa seperti personafikasi dan simile manakala prinsip gaya individualism dilihat melalui pengulangan bahasa Arab. Secara keseluruhan, penerapan lima prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) menerusi Novel Pantai Kasih telah memperlihatkan karya tersebut sebagai sebuah karya sastera yang mengandungi keindahan bahasa yang tersendiri dan.

Lanjutan itu, kajian "Gaya Bahasa Dalam Novel Perang Patani-Singgora" telah dijalankan oleh Waemasna Waeyusoh dan Yusniza Binti Yaakub pada tahun (2022).

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis gaya bahasa dalam novel “Perang Patani-Singgora” yang dikarang oleh seorang penulis dari Patani, Thailand iaitu Isma Ae Mohamad. Kajian ini hanya memfokuskan arah kajian kepada dua prinsip stilistik oleh Webber iaitu unsur pemilihan bahasa dramatik dan pemilihan diksi. Sehubungan itu, hasil kajian mendapati bahawa pendekatan prinsip dramatik dengan penumpuan terhadap bahasa kiasan seperti peribahasa dan metafora banyak diketengahkan oleh penulis. Pemilihan bahasa yang memberi kesan kepada jiwa turut diaplikasikan oleh penulis seperti semangat berlawan dan menegakkan keberanian dalam medan perang.

Seterusnya, kajian yang bertajuk “Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Dalam Teks Novel Tingkatan 4 Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib” oleh Muhammad Ameer Shauqi, Marzni Mohamed Mokhtar, Muhammad Aiman Syazwan Ahmadi, Muhammad Ikhwan Danial Abdullah dan Muhammad Ikhmal Mohd Isa (2024) pula dilaksanakan dengan objektif untuk meneroka penerapan jenis gaya bahasa perulangan dan mengenal pasti jenis gaya bahasa yang paling dominan mengalami perulangan dalam teks novel tersebut. Jenis gaya bahasa yang menjadi fokus dalam kajian ini merangkumi enam gaya bahasa iaitu anafora, epifora, simplok, responsi, woordopname dan paralelisme. Hasil kajian memperlihatkan bahawa enam gaya bahasa yang mengalami perulangan adalah bertujuan untuk memberi penjelasan dan perkembangan kepada idea dalam teks. Didapati juga bahawa perulangan anafora merupakan gaya bahasa yang mendominasi penulisan teks oleh pengarang. Disamping menyerlahkan nilai estetika bahasa dalam penulisan sebuah teks novel, penggunaan unsur gaya bahasa dalam novel turut berupaya dalam membantu pembaca menghayati idea dan mesej oleh pengarang.

Kesimpulannya. sorotan literatur terhadap kajian lampau memperlihatkan penerapan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) sebagai teori kajian telah berjaya menjelaskan gaya bahasa yang terkandung dalam novel melalui enam prinsip stilistik yang dianggap komprehensif dan mampu menerangkan fenomena penggunaan bahasa dalam novel secara menyeluruh. Ini menunjukkan bahawa teori oleh J.J. Webber (1989) adalah elevan untuk digunakan dalam kajian ini sebagaimana yang dilaksanakan pada kajian-kajian terdahulu. Walaubagaimanapun, terdapat sedikit kelompongan yang dapat dilihat pada kajian lampau. Misalnya, terdapat pengkaji lepas yang tidak memfokuskan pengkajian berdasarkan keseluruhan elemen yang dikemukakan oleh Webber. Selain itu, kebanyakan kajian lepas hanya menumpukan fokus kajian kepada jenis gaya bahasa tanpa membincangkan aspek fungsi gaya bahasa. Oleh itu, pengkaji berhasrat mengisi kelompongan tersebut dengan mengembangkan skop kajian kepada penganalisisan terhadap dua perkara iaitu jenis gaya bahasa dan fungsi gaya bahasa serta penerapan seluruh prinsip stilistik oleh J.J. Webber (1989).

2.5 RUMUSAN

Berdasarkan kajian lepas dalam rangka masa (2020-2025), dapat dilihat bahawa kajian mengenai penelitian stilistik iaitu penelitian gaya bahasa dalam teks novel telah banyak dijalankan dalam pelbagai bentuk karya sastera. Sememangnya beberapa persamaan, perbezaan dan kekurangan dapat dilihat pada kajian lepas, namun secara umumnya dapat dikatakan bahawa kajian mengenai gaya bahasa dalam karya sastera seperti novel giat dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu dan masih aktif dijalankan sehingga kini. Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat menjalankan kajian ini iaitu “Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J Webber (1989) dalam Novel “The Missing Piece” Karya Fatimah Busu” dengan harapan dapat meningkatkan kajian mengenai stilistik untuk rujukan

masyarakat tempatan khususnya penggemar karya sastera. Dapatan kajian lepas yang memaparkan keindahan bahasa dan kekreatifan pengarang menggunakan pelbagai gaya bahasa membuktikan keperluan untuk menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini iaitu mengkaji pengaplikasian prinsip stilistik dalam novel wajar dijalankan bagi meneruskan penerokaan mengenai gaya bahasa dalam novel dengan harapan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang stilistik dan kesusasteraan Melayu moden.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Dalam sebuah kajian penyelidikan, metodologi merupakan salah satu daripada rangka kerja dan proses yang memainkan peranan penting bagi mencapai objektif kajian. Metodologi kajian merujuk kepada pemilihan kaedah tertentu yang digunakan bagi kutipan dan kumpulan data menerusi tatacara efektif bagi menemukan jawapan kepada permasalahan kajian. Sebagai respon kepada pelbagai jenis dan bidang kajian, adalah menjadi tanggungjawab kepada pengkaji untuk merencana dan mengaplikasikan metodologi dengan betul dan tepat bagi mengelakkan keralatan dan kesilapan dalam proses pengumpulan data yang boleh yang berkemungkinan mempengaruhi kajian secara negatif. Ini juga bagi memastikan dapatan yang diperoleh adalah tepat sebagaimana yang dinyatakan oleh Saunders et al. (2019). Jelasnya, metodologi kajian merupakan elemen penting dalam sebuah proses penyelidikan dan pengaplikasian metodologi yang bakal diaplikasikan haruslah diberi perhatian sewajarnya oleh pengkaji. Justeru itu, bab ini akan membincangkan secara terperinci reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data yang akan digunakan bagi menjayakan kajian ini.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan proses terpenting setelah objektif kajian ditetapkan kerana menentukan reka bentuk kajian yang sesuai bakal menentukan kejayaan sesebuah kajian. Asenahabi (2019) menyatakan bahawa proses pemilihan reka bentuk

kajian bertujuan menyediakan rangka kerja yang sesuai untuk sesuatu kajian. Reka bentuk kajian yang dipilih haruslah tepat kerana proses data daripada kajian yang akan dikumpulkan bergantung kepada reka bentuk kajian tersebut. Pemilihan reka bentuk kajian pula ditentukan dengan melihat kepada tujuan atau objektif kajian (Chua seperti yang dinyatakan dalam Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasid, 2019).

Justeru itu, berpandukan tujuan utama kajian ini iaitu menilai fenomena penggunaan gaya bahasa dalam novel, pengkaji memutuskan untuk menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi menganalisis data empirikal kajian ini. Patrisius Istiarto Djiwandono & Wawan Eko Yulianto (2023) mendefinisikan istilah "kualitatif" sebagai sifat data yang tidak berupa angka yang diolah secara statistik. Data seperti tulisan, ujaran kalimat dan simbol juga diterima sebagai data kualitatif. Pendekatan reka bentuk kualitatif telah banyak digunakan kerana kemampuan reka bentuk kajiian ini memahami sesebuah fenomena yang dihadapi oleh subjek dengan membuat deskripsi dalam bentuk kata-kata dan bahasa berdasarkan konteks yang khusus. Turner et al., (2021) menyatakan bahawa pemahaman yang lebih mendalam terhadap literatur berupaya dicapai melalui pendekatan kualitatif. Selain itu, integrasi penyelidikan yang lebih komprehensif juga diperoleh melalui penelitian kualitatif. Kebolehan reka bentuk kajian kualitatif merungkai sesebuah fenomena dan persoalan dapat dilihat melalui langkah yang dikemukakan oleh Turner et al. (2021). Antaranya termasuklah menerusi kefahaman pengkaji terhadap kajian, pemberian hujah terhadap reka bentuk kualitatif kajian, penyusunan data serta penggunaan perisian analisis data kualitatif. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kaedah kualitatif merupakan salah satu langkah untuk meneroka sebuah konsep yang membawa kepada penghasilan data yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Reka bentuk kualitatif dipilih kerana kajian ini menuntut pemahaman dan interpretasi yang teliti dan lebih mendalam. Bersesuaian dengan fokus utama kajian ini iaitu mengkaji fenomena bahasa dalam novel berdasarkan teori stilistik yang meliputi banyak jenis dan pembahagian gaya bahasa, pendekatan kualitatif dianggap mampu membuat pengamatan dan penelitian secara terperinci melalui pelbagai kaedah pengumpulan dan pengalisisan data yang dapat memberi intrepretasi mendalam terhadap gaya bahasa dan fungsi gaya bahasa yang digunakan dalam novel "The Missing Piece".

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan sebagai salah satu kaedah utama dalam proses pengumpulan data. Kaedah kepustakaan didefinisikan sebagai kaedah yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk memperoleh data melalui bahan rujukan seperti buku, jurnal dan sebagainya (Mohd Hanif Muhd Nasir, 2023). Melalui kajian ke atas bahan-bahan akademik sedia ada, kaedah ini berperanan memberi gambaran awal dan membantu pengkaji menentukan hala tuju kajian. Selain itu, kaedah ini turut menyediakan pengetahuan dan informasi sebagai input tambahan yang dapat memperkukuh dapatan kajian.

Kaedah kepustakaan yang digunakan dalam kajian ini meliputi pemerolehan data primer daripada sumber seperti buku iaitu novel Melayu yang bertajuk "The Missing Piece" karya seorang sasterawan negara, Fatimah Busu. Novel merujuk kepada cerita rekaan yang ditulis dalam bentuk naratif panjang dan mengandungi tema dan mesej tertentu. Novel yang digunakan dalam kajian ini berbentuk fizikal dan diterbitkan

oleh Citra Kurnia Enterprise pada tahun 2008 yang merupakan cetakan kedua. Novel ini terdiri daripada 62 bab yang merangkumi 724 halaman.

Di samping itu, kaedah kepustakaan turut dijalankan terhadap artikel, jurnal dan bahan akademik yang diperoleh melalui web seperti Google Scholar, MyJurnal, Research Gate, Dar Al-Hikmah, UTM Library, UM Library, dan UKM Journal Article Repository. Selain bagi tujuan menyoroti kajian terdahulu oleh pengkaji lepas, antara tujuan lain kaedah kepustakaan dilakukan adalah untuk meningkatkan pemahaman tentang definisi teori dan konsep yang berkaitan dengan kajian ini seperti Teori Stilistik Webber (1989), prinsip stilistik dan gaya bahasa. Kaedah ini diperlukan agar pengkaji mempunyai pemahaman yang jelas sebelum memulakan kajian. Selain itu, kaedah ini berfungsi sebagai pengukuh dan penyokong kepada hujah pada bahagian dapatan kajian. Justeru, menjadikan kajian ini kajian yang berkredibiliti dan diyakini dari sudut akademik.

3.4 KAEDAH PENGANALISISAN DATA

3.4 Analisis Kandungan Teks

Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan teks bagi menganalisis data yang diperoleh daripada teks novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu. Analisis kandungan merupakan satu pendekatan yang sistematik untuk mengenal pasti, menginterpretasi dan mengkategorikan elemen-elemen penting dalam sesuatu teks. Kandungan teks yang dianalisis meliputi pengekodan secara objektif dan sistematik untuk memperoleh makna tertentu daripada teks tersebut. Kaedah analisis kandungan teks dipilih kerana bersesuaian dengan kajian ini yang memberi fokus kepada analisis

aspek gaya bahasa berdasarkan Prinsip Stilistik Webber (1989) yang terdapat dalam teks sastera.

Proses penganalisisan dilaksanakan melalui empat langkah termasuklah proses pembacaan, penandaan data, pengkategorian data dan penghuraian data. Peringkat awal proses penganalisisan data dimulai dengan pembacaan secara intensif terhadap teks novel "The Missing Piece" untuk mengenal pasti elemen yang dikaji. Teks novel dibaca bab demi bab secara teliti, mendalam dan berulang kali untuk memperoleh pemahaman akan kandungan, struktur ayat serta makna dalam teks tersebut. Ini merupakan proses yang penting dan memerlukan fokus agar dapat menerokai elemen yang ingin dikaji iaitu gaya bahasa berdasarkan prinsip stilistik dan fungsi sebalik pengunaan gaya bahasa tersebut.

Dalam proses pembacaan, pengkaji turut menjalankan proses penandaan data yang merujuk kepada catatan kepada gaya bahasa yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji menerusi teks novel. Misalnya, pengkaji menggariskan petikan daripada teks novel yang menggunakan unsur bahasa dramatik, figuratif, metafora, simile, personifikasi dan sebagainya. Proses pembacaan dan penandaan data ini dijalankan berulang kali agar dapat memperoleh data secara maksimum dan mencungkil sepenuhnya gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang novel "The Missing Piece".

Seterusnya, proses analisis data diteruskan dengan pengkategorian data. Setelah data diperoleh dan disenaraikan, pengkaji akan membuat pengelasan data mengikut 6 prinsip stilistik oleh Webber (1989). Pengkategorian data ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk memudahkan proses penghuraian dan membantu pembaca mengenal pasti data daripada teks novel.

Akhir sekali, pengkaji akan membuat penghuraian data terhadap himpunan data yang telah dianalisis. Penghuraian dilakukan menggunakan Prinsip Stilistik oleh Webber (1989) dan dijalankan secara deskriptif iaitu penghuraian secara terperinci. Hasil daripada penganalisisan ini akan dibentangkan dalam bab perbincangan kajian dengan sokongan contoh daripada teks primer.

3.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, menetapkan metodologi yang sesuai dalam sesuatu kajian adalah penting kerana metodologi berfungsi sebagai panduan dan membimbing proses kajian secara keseluruhan. Kaedah dan pendekatan yang sesuai juga membantu pengkaji memperoleh data yang sah dan boleh dipercayai bagi menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif digunakan bagi membolehkan pengkaji membuat penelitian dan penghayatan terhadap kandungan teks novel secara mendalam. Kaedah analisis kandungan teks pula dipilih agar data dianalisis secara sistematik dan bermakna. Justeru, metodologi yang digunakan dalam kajian ini tidak hanya menyumbang kepada keutuhan dan hala tuju kajian, malah memastikan dapatan yang diperoleh adalah selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan hasil dapatan kajian dengan lebih lanjut setelah data dapatan dikumpul dan dianalisis. Setiap hasil dapatan akan diterangkan secara terperinci bagi memastikan bahawa semua dapatan kajian dapat difahami dengan jelas dan tepat. Hasil dapatan kajian ini adalah penting kerana bakal menyumbang kepada pengetahuan sedia ada, membantu dalam pemahaman yang lebih baik tentang isu yang dikaji. Justeru itu, bahagian ini akan menerangkan dengan lebih lanjut dapatan yang diperoleh oleh pengkaji setelah meneliti dan menganalisis data bagi memenuhi objektif kajian.

4.2 DAPATAN KAJIAN

Hasil pengumpulan dan penganalisisan data, pengkaji mendapati bahawa enam prinsip stilistik yang diperkenalkan dalam Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) telah diaplikasikan dalam novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu. Enam prinsip stilistik yang diperoleh hasil kajian ini ialah analisis prinsip fonologi, analisis prinsip pemilihan diksi, analisis prinsip pembentukan ayat, analisis prinsip kajian terhadap makna atau semantik, analisis prinsip unsur-unsur bahasa dramatik dan analisis gaya individualisme. Setiap prinsip stilistik ini diterapkan bersama fungsi tersendiri dan bakal diterangkan secara terperinci dalam bab ini.

4.2.1 Analisis Prinsip Fonologi

Analisis prinsip fonologi merujuk kepada penelitian terhadap sebarang bunyi bahasa. Fonologi merupakan sebahagian dari kajian dalam bidang bahasa yang mengkaji sistem bunyi bahasa yang terdiri daripada senarai dan ciri-ciri bunyi bahasa. (Azean Idruwani Idrus & Nurafiqah Haziah Basir, 2024). Taburan penggunaan bunyi menjadi aspek penelitian dalam prinsip fonologi. Kekerapan penggunaan bunyi menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Antara aspek bunyi yang diperoleh dalam kategori prinsip fonologi ialah rima, asonansi dan aliterasi.

4.2.1.1 Rima

Rima adalah pengulangan bunyi yang berselang seli dalam bait-bait sajak mahupun akhir baik-baik sajak yang berdekatan. Pengulangan bunyi dalam sesebuah penulisan menyumbang kepada ritma yang indah dan menghasilkan bunyi yang puitis. (Samhani Ismail, 2024). Contoh penerapan rima dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

Jadual 4.1 Contoh Penggunaan Rima

No.	Data	Prinsip Fonologi	Penerangan
1.	Rasanya sangat manis, lebih manis dari mad**u**. Dan rasanya juga sangat pahit, lebih pahit dari hemped**u**. Penanggungannya sangat dahsyat, bagaikan setiap perasaan dihiris-hiris dengan sembil**u**.	Rima	Pengulangan bunyi “u”
2.	Hatiku telah terluk**a**. Dan masih terluk**a**. Lukanya sangat berbis**a.**		Pengulangan bunyi “a”
3.	Ketika darah menitik di dala hati yang dikhianat**i**, kaki seperti berdiri di atas hujung pisau belat**i**. Tubuh seperti tersalai, terpanggang di atas unggun ap**i**.		Pengulangan bunyi “I”

Merujuk kepada ungkapan pada data (1-3), dapat dilihat bahawa prinsip fonologi dalam novel ini memaparkan kekerapan penerapan aspek rima dalam penulisan. jika disoroti,

pengulangan bunyi pada data (1-3) terletak pada hujung perkataan terakhir yang berada pada setiap baris iaitu. Misalnya, data (1) menunjukkan pengulangan bunyi "u" pada perkataan "mad**u**", "hemped**u**", dan "sembil**u**". Pengulangan bunyi "a" pada data (2) pula dilihat berlaku pada perkataan "terluk**a**", "terluk**a**" dan "berbis**a**". Seterusnya, data (3) memaparkan pengulangan bunyi "I" pada perkataan "dikhianat**i**", "belat**i**" dan "ap**i**". Pengulangan bunyi pada akhir perkataan setiap baris seperti tertera pada jadual menghasilkan irama bunyi yang seragam dan mencipta kesan keindahan ketika membaca bait-bait ayat tersebut. Pengulangan bunyi pada akhir perkataan yang dilihat pada data (1-3) telah melahirkan kesepaduan dan kesegeraman bunyi sebagaimana yang ditekankan oleh J.J. Webber (1989) bahawa aspek fonologi menitikberatkan aspek kesepaduan bunyi. Walaupun bait-bait ayat tersebut dikarang untuk karya berbentuk novel, namun persamaan rima pada akhir berupaya menonjolkan kebijaksanaan pengarang menyusun dan memilih kosa kata untuk membentuk irama yang indah.

Fungsi pengaplikasian rima adalah bertujuan untuk memperkuat nilai rasa yang dialami oleh watak dalam novel. Disamping menimbulkan kesan puitis, rima yang menghasilkan kesetaraan bunyi juga berupaya menonjolkan perasaan dan emosi yang dialami. Ini disokong oleh Muhamad Hermintoyo (2018) yang menyatakan bahawa bunyi bertindak sebagai sumber ekspresif dalam puisi. Selain pemilihan perkataan yang sesuai dan menarik, penelitian terhadap aspek bunyi turut membantu pembaca memahami curahan dan luahan perasaan melalui sesebuah ujaran. Keupayaan pengarang memilih perkataan secara berhati-hati dan teliti sehingga mencipta ungkapan yang indah dengan rima yang sama, melambangkan keseriusan beliau akan sesebuah makna yang ingin disampaikan sama ada makna tersebut berbentuk perasaan, emosi dan sebagainya. Pengulangan bunyi (u) pada data 1-3 dalam jadual misalnya menunjukkan kedalaman perasaan gembira, terluka dan kecewa. Rima yang dibentuk secara tersusun

mampu membawa pembaca mendalami perasaan yang cuba ditonjolkan oleh pengarang.

4.2.1.2 Asonansi

Gaya bahasa asonansi merupakan pengulangan bunyi vokal dalam satu baris. Penerapan gaya bahasa asonansi memberi penekanan dan keindahan bunyi pada suatu ayat (Ambarul Mahasiswa Setiawati et al., 2021). Contoh pengaplikasian asonansi dapat dilihat pada jadual di bawah.

Jadual 4.2 Contoh Penggunaan Asonansi

No.	Data	Prinsip Fonologi	Penerangan
1.	N**a**mp**a**k bentuk pul**a**u pin**a**ng y**a**ng tel**a**h **a**ku tingg**a**lkan tersterg**a**m gel**a**p men**a**mp**a**ng l**a**ngit y**a**ng kel**a**m.	Asonansi	Pengulangan vokal “a” dalam satu baris ayat
2.	Dan akulah si imrah phoenix itu yang didera hidupnya berkali-kali **o**leh se**o**rang ayah, **o**leh se**o**rang kekasih, **o**leh se**o**rang suami, **o**leh takdir, **o**leh manusia, **o**leh alam, dan **o**leh diri sendiri.		Pengulangan vokal “o” dalam satu baris ayat

Dalam contoh pertama dan kedua, aspek bunyi dapat dilihat dalam novel ini yang menekankan aspek bunyi asonansi. Bait-bait ayat pada data (1) memaparkan pengulangan vokal “a” pada perkataan “n**a**mp**a**k”, “pul**a**u pin**a**ng”, “y**a**ng”, “tel**a**h”, “**a**ku”, “tingg**a**lk**a**n”, “tersterg**a**m” “gel**a**p” “men**a**mp**a**ng” “l**a**ngit”, “y**a**ng” dan “kel**a**m”. Pengulangan vokal “a” berlaku sebanyak 15 kali pada etiap perkataan dalam baris tersebut kecuali pada perkataan “bentuk”. Seterusnya, pengulangan vokal “o” telah berlaku pada perkataan “**o**leh” (5 kali pengulangan) dan “se**o**rang”, (3 kali pengulangan). Pengulangan vokal pada dua contoh di atas membentuk kesepadanan bunyi sebagaimana yang dikemukakan oleh Webber (1989).

Pengaplikasian gaya bahasa asonansi berfungsi untuk memberi kesan keindahan dalam karya. Ini kerana kemampuan aspek vokal untuk menimbulkan kelembutan dan keindahan bunyi (Ambarul Mahasiswa Setiawati et al., 2021). Meskipun pembacaan novel tidak seperti puisi yang lebih menekankan aspek bunyi, namun pengulangan vokal dalam pembentukan sesebuah ayat dalam novel mampu bertindak sebagai daya tarikan pembaca untuk meneruskan pembacaan. Selain penguasaan kosa kata dan pembentukan struktur ayat, cara bahasa tersebut dibentuk oleh pengarang dengan prinsip fonologi seperti asonansi juga memainkan peranan untuk memberikan kepelbagaian ciri unik dan menarik dalam karya sebagaimana Khusnul Fatimah et al. (2023) yang mendapati penggunaan asonansi bertindak memberikan warna dalam pertuturan seseorang yang dapat membawa fokus pendengar. Tambahan pula, aktiviti membaca adalah sebuah aktiviti yang menuntut fokus yang tinggi untuk memahami kandungan dan plot novel. Oleh itu, pengaplikasian unsur asonansi adalah strategi yang bijak oleh pengarang dalam usaha mengekalkan minat pembaca dan mengelakkan rasa bosan semasa proses pembacaan.

4.2.1.3 Aliterasi

Aliterasi merujuk kepada gaya bahasa yang memaparkan pengulangan huruf konsonan dalam baris yang sama. Pengulangan bunyi seperti pengulangan bunyi konsonan menimbulkan kesan kehalusan, kelembutan, kemerduan dan keindahan bunyi (Samhani Ismail et al., 2024). Jadual di bawah memaparkan contoh penerapan gaya bahasa aliterasi.

Jadual 4.3 Contoh Penggunaan Aliterasi

No.	Data	Prinsip Fonologi	Penerangan
1.	Sinar ma**t**ahari ja**t**uh di a**t**as buki**t**-bukau di pulau i**t**u sudah **t**inggal berjaluran merah yang samar-samar.	Aliterasi	Pengulangan konsonan “t”
2.	Ditiup angit ba**r**at, be**r**ge**r**ak ke ba**r**at. Ditiup angin timu**r**, be**r**ge**r**ak ke timu**r**. Ditiup angin Selatan, be**r**ge**r**ak ke Selatan. Ditiup angin uta**r**a, be**r**gerak ke uta**r**a.		Pengulangan konsonan “r”

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat penerapan aliterasi pada data (1) iaitu pengulangan konsonan “t” sebanyak enam kali yang berlaku pada perkataan “ma**t**ahari”, “ja**t**uh”, “a**t**as”, “buki**t**”, “i**t**u”, dan “**t**inggal”. Seterusnya, pengulangan konsonan “r” pada data (2) dilihat terjadi sebanyak tiga belas kali yang merangkumi perkataan “ba**r**at”, “be**r**ge**r**ak”, “timu**r**” dan “uta**r**a”.

Penerapan gaya bahasa aliterasi pula berfungsi sebagai penekanan dalam mengungkap sesebuah idea. Pengulangan konsonan secara konsisten menjadikan baris tersebut lebih menonjol dan mudah diingati. Ini sangat berguna untuk menekankan idea penting atau mesej utama dalam sesebuah karya. Umi Latifah et al., (2023) menyatakan bahawa pengulangan huruf konsonan berperanan mengalirkan pengucapan kata dan berupaya mempengaruhi pendengar melalui pembinaan ayat yang dihasilkan dengan keindahan bunyi. Maulidia Tifani Alfin Nur Hardiana (2023) pula menyebut bahawa kehadiran aliterasi dalam prosa seperti novel bertindak sebagai perhiasan bahasa dan unsur penekanan. Nyatanya, aspek bunyi selain menyumbang kepada nilai estetika, juga berperanan untuk menimbulkan nuansa dalam memberi gambaran akan suasana, peristiwa, atau keadaan tertentu.

4.2.2 Analisis Prinsip Pemilihan Diksi

Analisis prinsip pemilihan diksi merujuk kepada pemilihan dan penggunaan perkataan yang bersesuaian dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita. Sesuatu pemilihan diksi dikatakan sesuai apabila mampu menjelaskan latar masa, tempat dan masyarakat dalam novel. Edi Syahputra et al. (2022) mendefinisikan diksi atau pemilihan kata sebagai kemampuan pengarang memilih perkataan yang tepat untuk menyatakan idea selari dengan situasi dan tempat kata-kata tersebut digunakan. Ketepatan dalam pemilihan diksi adalah penting untuk mengungkap gagasan secara tulisan atau lisan dengan berkesan (J.J. Webber, 1989). Oleh yang demikian, hasil analisis mendapati terdapat dua aspek diksi yang digunakan dalam novel ini iaitu penggunaan laras bahasa bidang seni halus dan dialek Kelantan.

4.2.2.1 Laras Bahasa Bidang Seni Halus

Laras bahasa bidang seni halus merujuk kepada diksi yang bertemakan bidang seni halus. Setiap diksi yang berkaitan dan bertepatan di bawah ruang lingkup bidang seni halus disebut sebagai laras bahasa bidang seni halus. Terdapat beberapa diksi yang mewakili laras bahasa bidang seni halus dan dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4.4 Contoh Diksi (Laras Bahasa Bidang Seni Halus)

No.	Data	Pemilihan Diksi
1.	Tidak pergi **tutorial**	Laras Bahasa Seni Halus
2.	**Akrilik**	
3.	**Arca dan sketsa**	
4.	**Seni lukis abstrak**	
5.	**Motif**	
6.	**Seni lukis pop**	
7.	**Pelukis ekspresionis**	
8.	**Pelukis abstrak**	
9.	**Post impressionism, impressionism, cubism, dadaism**	
10.	**Pelukis *fauve***	

Merujuk jadual di atas, dapat dilihat pemilihan diksi yang ingin diketengahkan oleh pengarang iaitu jenis laras bahasa bidang seni halus. Laras bahasa bidang seni halus merupakan pemilihan diksi yang berkaitan dengan bidang seni halus. Gambaran novel memperlihatkan watak utama iaitu Imrah, seorang penuntut ijazah sarjana muda dalam bidang seni halus di Universiti Pulau Pinang. Oleh itu, pemilihan diksi dalam jadual di atas adalah dalam linkungan bidang seni halus. Antara diksi yang berkaitan ialah "**tutorial**", "**akrilik**", "**arca**", "**sketsa**", "**seni lukis abstrak"**, "**motif**", "**seni lukis pop**", "**pelukis ekspresionis**", "**pelukis abstrak**", "**Post impressionism, Impressionism, Cubism, Dadaism**" dan "**Pelukis *fauve*".** Perkataan "**tutorial**" misalnya adalah sinonim dan terkenal dalam kalangan pelajar dalam bidang seni halus. Diksi ini memberi maksud ruang pembelajaran yang melibatkan kumpulan kecil bersifat lebih interaktif, yang memberi fokus kepada perkembangan idea untuk pembentukan identiti seni yang lebih kukuh dan kritikal. "**Akrilik**" pula merujuk kepada sejenis cat yang digunakan secara meluas dalam seni lukis. Diksi "**arca"**, "**sketsa",** "**seni lukis abstrak"** dan "**seni lukis pop"** pula difahami sebagai jenis dan bentuk karya yang dihasilkan oleh pelajar dalam bidang ini. Seterusnya, pengarang menyelitkan diksi "**pelukis ekspresionis**", "**pelukis abstrak**", **"Post impressionism, Impressionism, Cubism, Dadaism**" dan "**Pelukis *fauve*"** ketika membawa penceritaan tentang kajian Ph.D. yang dijalankan oleh Imrah yang bertajuk "Seni Lukis Abstrak di Malaysia dan Indonesia: Satu Kajian Perbandingan". Penggunaan laras bahasa bidang seni halus adalah bersesuaian dengan plot penceritaan yang memperlihatkan latar belakang pelajar dalam jurusan seni halus. Ini menepati prinsip diksi oleh J.J Webber (1989) iaitu penggunaan diksi membolehkan penyampaian jalan cerita selari dengan kosa kata yang dipilih.

Penerapan diksi khususnya laras bahasa bidang seni halus dalam novel ini bertujuan memberi deskripsi tentang watak dan perwatakan secara terperinci. Diksi yang bertemakan laras bahasa seni halus memberi pengetahuan kepada pembaca berkaitan latar belakang watak utama dalam novel, iaitu Imrah. Laras bahasa tersebut menyerlahkan bakat, kecenderungan dan kemahiran Imrah sehingga mampu menyambung pengajian dalam bidang seni halus. Saskia Noviyanti et al., (2023) turut mendapati diksi bertema seperti diksi fotografi dalam novel yang dikaji telah memudahkan pembaca memahami aliran cerita berikutan deskripsi secara spesifik tentang watak dalam novel tersebut iaitu seseorang yang berkebolehan tinggi dalam bidang fotografi. Diksi bertema seni halus ini secara tidak langsung memaparkan kekreatifan dan keintelektualan Imrah kerana bidang seni menuntut daya fikir dan imaginasi yang tinggi untuk menghasilkan sebuah karya seni yang artistik dan mengagumkan. Kajian oleh Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim (2023) turut menyokong kenyataan diksi bertema sebagai gambaran kepada watak dan perwatakan melalui dapatannya iaitu laras bahasa sains dalam novel memperlihatkan masyarakatnya yang terdiri dalam kalangan pengamal perubatan. Jelasnya, pengaplikasian diksi dalam novel berupaya memberi penjelasan yang mendalam tentang karakter, peribadi, dan personaliti watak.

4.2.2.2 Dialek

Dialek merujuk kepada suatu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesebuah daerah. Dialek merangkumi penggunaan bahasa yang berbeza daripada bahasa standard dan mempunyai loghat tersendiri. Novel ini memperlihatkan penggunaan dialek yang ketara khususnya dialek Kelantan berikutan latar belakang pengarang novel yang berasal dari

negeri Kelantan. Contoh penggunaan dialek Kelantan ditunjukkan melalui jadual di bawah.

Jadual 4.5 Contoh Diksi (Dialek Kelantan)

No.	Data	Pemilihan Diksi	Penerangan
1.	Kamu sudah **mari cemar!**	Dialek Kelantan	Maksud: Datang haid
2.	Orang Kelantan kata **gila mengiam**		Maksud: Kemurungan selepas melahirkan
3.	Kita **merabung** dia, biar pergi jahanam terbang-tembah!		Maksud: Menjampi
4.	Untuk adat buka mulut. Kata orang Kelantan, **belah mulut**. Nanti bila bayi sudah besar, dewasa, dia akan menjadi orang yang bijak bercakap.		Maksud: Budaya masyarakat Kelantan menyambut kelahiran bayi
5.	Tidak ada orang **sukat fitrahkah** di masjid?		Maksud: Zakat fitrah
6.	**Harung ketupat** dulu		Maksud: Rebus ketupat
7.	**Mek**, tolong pijak belakang ayah		Maksud: Panggilan kepada orang perempuan

Menerusi jadual di atas, pengarang telah menerapkan diksi berunsur dialek Kelantan. Penggunaan dialek Kelantan digunakan berikutan latar belakang watak Imrah selaku anak kelahiran negeri Kelantan. Jika diamati dengan mendalam, kebanyakan istilah Kelantan diungkapkan dalam komunikasi antara Imrah dan ahli keluarga seperti ibu, bapa dan adik-beradiknya. Antara dialek Kelantan yang diserlahkan dalam novel ini termasuklah perkataan "**mari cemar**". Menurut konteks, istilah "**mari cemar**" digunakan dalam kalangan masyarakat Kelantan untuk menunjukkan seorang gadis telah didatangi haid. Istilah "**gila mengiam**" pula difahami dalam dialek Kelantan

sebagai perilaku wanita yang mengalami kemurungan selepas bersalin. Perkataan "**merabung**" pula diujarkan oleh ibu Imrah yang merujuk kepada perbuatan menjampi. Seterusnya, perkataan "**harung ketupat**" bererti mengukus berat pulut untuk dimasukkan dalam ketupat, "**sukat fitrah**" pula sinonim dengan istilah "bayar fitrah" namun disebut sebagai sukat fitrah kerana kebiasaaan orang Kelantan yang membayar fitrah haruslah menyukat beras sebanyak yang ditetapkan oleh kerajaan. Akhir sekali, perkataan "**mek**" digunakan dalam masyarakat Kelantan sebagai kata panggilan kepada orang perempuan. Kebanyakan dialek Kelantan yang digunakan dalam novel ini merupakan istilah tersendiri yang hanya digunakan oleh masyarakat Kelantan dan mungkin tidak difahami oleh masyarakat yang bukan berasal dari Kelantan. Diksi berunsur dialek Kelantan yang dipaparkan menunjukkan bahawa Imrah dan keluarganya masih bertutur dalam loghat Kelantan dan masih berpegang utuh dengan jati diri sebagai anak kelahiran negeri Kelantan.

Fatimah Busu merupakan antara pengarang novel yang memanfaatkan penggunaan dialek dalam karya beliau. Penggunaan dialek Kelantan dalam novel ini tidak digunakan secara kebetulan, namun berfungsi untuk menyerlahkan kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia. Latar belakang sosial dan geografi Fatimah Busu sebagai penutur jati Kelantan menjadikan penggunaan dialek dalam novel diletakkan secara kemas, teliti dan sesuai berdasarkan konteks. Jika disoroti, kebanyakan dialek Kelantan dalam novel ini merujuk kepada istilah Kelantan yang hanya terpakai dalam kalangan masyarakat Kelantan seperti istilah "mari cemar", "harung ketupat", "gila mengiam", dan "pemajangan" yang menjadi salah satu budaya unik dan tersendiri milik masyarakat Kelantan. Dialek dalam novel ini memberikan ciri istimewa dan keunikan kepada novel ini kerana berupaya menjadi wadah pendidikan ilmu tentang istilah baharu yang wujud dalam salah satu dialek di Malaysia. Penggunaan dialek dalam novel

Seorang Tua di Kaki Gunung oleh Azizi Haji Abdullah juga didapati berperanan sebagai alat penyampaian maklumat tentang latar belakang sosioekonomi penutur dialek dalam novel tersebut. Latar tempat dan masa dalam novel tersebut yang sememangnya wujud telah menyumbang kepada informasi tambahan kepada pembaca (Haslina Haroon & Adilah Zabir, 2018). Nyatanya, penggunaan diksi khususnya dialek dalam novel mampu bertindak sebagai wadah pendidikan dan penyebaran ilmu tentang kekayaan dialek yang sebati dalam kehidupan harian masyarakat di negara ini.

4.2.3 Analisis Prinsip Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis

Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis merujuk kepada cara suatu ayat dibina dan dihasilkan dalam penulisan karya. Berdasarkan prinsip stilistik J.J. Webber (1989), prinsip ini menilai susunan ayat dari sudut panjang dan pendek. Sehubungan dengan itu, prinsip ini lebih memberi penekanan kepada aspek morfologi dan sintaksis. Kepelbagaian bentuk ayat diteliti berdasarkan prinsip pembentukan ayat. Antara prinsip pembentukan ayat yang diperoleh dalam novel ini ialah pembentukan ayat pendek dan pembentukan ayat panjang.

4.2.3.1 Pembentukan Ayat Pendek

Ayat pendek merujuk kepada susunan kata dalam satu ayat yang terbina daripada jumlah perkataan yang sedikit iaitu antara dua hingga lima patah perkataan sahaja. Walaupun ringkas, ayat pendek tetap mempunyai struktur tatabahasa yang lengkap, iaitu sekurang-kurangnya subjek dan predikat. Pembentukan ayat pendek dapat dilihat berdasarkan jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6 Contoh Pembentukan Ayat Pendek

No.	Data	Prinsip Pembentukan Ayat
1.	Macik miah nampak sangat uzur. Mukanya putih bersih. Nampak terlalu bening.	Ayat Pendek
2.	Senja sudah berakhir. Malam bermula. Lampu-lampu sudah terpasang	
3.	Hidungnya agak tinggi. Keningnya tebal dan lurus. Dan matanya nampak sangat ceria.	

Prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur analisis dalam jadual di atas memperlihatkan contoh pembentukan ayat pendek. Pengarang didapati membina ayat pendek dalam hasrat beliau mengungkap sesuatu maksud. Menerusi contoh pada data (1) iaitu "**Makcik Miah nampak sangat uzur**. **Mukanya putih bersih**. **Nampak terlalu bening"** dapat dilihat bahawa pengarang sedang menggambarkan keadaan diri Makcik Miah. Tiga susunan ayat pendek ini telah memberi isyarat kepada pembaca bahawa Makcik Miah sedang berada dalam keadaan yang tenat. Suasana yang tenang, sepi dan senyap juga ditonjolkan melalui tiga ayat pendek ini. Seterusnya, ayat-ayat pendek pada data (2) iaitu "**Senja sudah berakhir. Malam bermula. Lampu-lampu sudah terpasang**" memberi gambaran tentang suasana pertukaran siang ke malam. Walaupun struktur ayat ini pendek dan ringkas, namun pemilihan perkataan dan cara pembinaan ayat membantu pengarang menyampaikan maksud dengan jelas. Berdasarkan konteks ayat tersebut, pembaca memperoleh mesej bahawa keadaan di Pulau Pinang pada waktu malam telah mulai meriah melalui ayat "lampu-lampu sudah terpasang". Akhir sekali, ayat "**Hidungnya agak tinggi. Keningnya tebal dan lurus. Dan matanya nampak sangat ceria"** pada data (3) adalah kaedah pengarang menjelaskan ciri-ciri fizikal Charlie ketika pertemuan pertama kali. Ayat yang disusun secara pendek dan ringkas ini berjaya membuat deskripsi tentang rupa paras dan penampilan luaran seorang figura. Dapat difahami melalui struktur ayat tersebut bahawa

Charlie memiliki wajah yang tampan dan mampu menarik perhatian mata yang memandang.

Pembentukan ayat pendek dalam novel berperanan untuk memberi kejelasan dan kebolehbacaan teks. Binaan ayat pendek membolehkan sebuah idea disampaikan pada satu masa justeru memudahkan pembaca memahami perkara utama daripada ayat yang dihasilkan. Contoh ayat pada data (1) misalnya menceritakan tentang suatu keadaan iaitu keadaan Mak Miah yang sedang uzur. Antara ciri-ciri novel yang baik adalah mampu memberi pemahaman tanpa menuntut waktu yang lama untuk memproses kandungan yang hendak disampaikan. Struktur ayat yang ringkas dan padat ini membolehkan penulis menyampaikan makna secara langsung dan berkesan, tanpa membebankan pembaca dengan huraian yang panjang lebar. Nor Haliza Ab Hamid et al. (2020) menyatakan penggunaan ayat pendek boleh mengelakkan kekeliruan kepada pembaca. Oleh yang demikian, pembentukan ayat pendek adalah penting untuk dipertimbangkan dalam penulisan terutama ketika pengarang berhasrat memberi penekanan terhadap sesuatu mesej pada suatu masa tertentu.

4.2.3.2 Pembentukan Ayat Panjang

Ayat panjang ialah ayat yang dibina daripada lebih banyak patah perkataan dan mempunyai struktur yang lebih kompleks berbanding ayat pendek. Kebiasaannya, ayat panjang merangkumi lebih daripada satu klausa, sama ada dalam bentuk ayat majmuk, ayat gabungan, atau ayat keterangan tambahan. Contoh pembentukan ayat panjang dalam novel ini ditunjukkan menerusi jadual 4.7.

Jadual 4.7 Contoh Pembentukan Ayat Panjang

No.	Data	Prinsip Pembentukan Ayat
1.	**Dari platform aku dapat melihat dengan jelas kaki langit sebelah timur yang sedang dilakari oleh fajar putih, semarak kebiruan bercampur dengan warna hijau muda dan kuning muda bertelau-telah memenuhi ufuk dan masih dikerudungi oleh yang langit yang kelam di sekitarnya.**	Ayat panjang
2.	**Takdir, sesuatu ketentuan, seperti perkahwinan, kematian, tanah kubur tempat akan dikebumikan jasad kita bila kita mati, keberuntungan, kematian yang datang kepada kita semuanya telah tersurat di Luh Mahfuz, tempat Allah menentukan suratan nasib manusia.**	
3.	**Masih terbayang daun-daun mapel yang gugur berlenggang-lenggok dipuput bayu jatuh perlahan-lahan di kaki kami Bagai menyembahkan sebuah ufti cinta yang indah di dalam hati**	

Struktur ayat panjang merupakan antara kaedah pembentukan ayat yang sering digunakan oleh pengarang. Antara contoh binaan ayat panjang yang diperoleh ialah "**Dari platform aku dapat melihat dengan jelas kaki langit sebelah timur yang sedang dilakari oleh fajar putih, semarak kebiruan bercampur dengan warna hijau muda dan kuning muda bertelau-telah memenuhi ufuk dan masih dikerudungi oleh yang langit yang kelam di sekitarnya.".** Ayat panjang ini terdiri daripada 40 patah perkataan dan berbentuk ayat songsang kerana dimulai dengan frasa sendi nama yang sepatutnya berada selepas predikat. Ayat yang dibina dengan 40 jumlah perkataan ini menerangkan fenomena alam semula jadi pada langit yang tinggi. Keindahan warna langit ditonjolkan dengan jelas melalui struktut ayat panjang ini. Seterusnya, ayat "**Takdir, sesuatu ketentuan, seperti perkahwinan, kematian, tanah kubur tempat akan dikebumikan jasad kita bila kita mati, keberuntungan, kematian yang datang kepada kita semuanya telah tersurat di Luh Mahfuz,**

tempat Allah menentukan suratan nasib manusia" pula dibina melalui rangkaian kata-kata yang berjumlah 34 perkataan. Pengarang membentuk sebuah ayat panjang untuk menerangkan tentang suatu perkara utama iaitu setiap perkara yang bakal terjadi dalam kehidupan manusia telah ditetapkan oleh Allah, Tuhan Sekalian Alam. Ayat ini dipanjangkan dengan pemberian contoh tentang jenis-jenis takdir iaitu perkahwinan, kematian, tempat dikebumikan, dan keberuntungan. Merujuk kepada contoh ayat terakhir, sebanyak 27 perkataan telah membina ayat "**Masih terbayang daun-daun mapel yang gugur berlenggang-lenggok dipuput bayu jatuh perlahan-lahan di kaki kami Bagai menyembahkan sebuah ufti cinta yang indah di dalam hati".** Ayat ini diungkapkan oleh Imrah ketika menyatakan kerinduannya terhadap negara Eropah, tempat kelahiran suaminya Lawrence. Ingatan dan memori indah di Eropah telah ditafsirkan secara indah dalam bait-bait ayat tersebut dengan deskripsi secara terperinci melalui penggunaan frasa kerja dan frasa adjektif yang turut disertai ungkapan simile. Pembentukan pelbagai jenis ayat termasuk ayat panjang menurut J.J. Webber (1989) adalah penting dalam proses penyampaian makna.

Dalam penulisan novel, pembentukan ayat panjang memainkan peranan penting dalam memberikan kedalaman kepada penceritaan. Struktur ayat panjang merupakan salah satu daripada variasi stilistik (Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim, 2023). Ayat panjang membolehkan penulis mengembangkan idea secara terperinci, menggambarkan latar, suasana, dan emosi watak dengan lebih mendalam. Struktur ayat yang kompleks ini juga mencerminkan gaya bahasa yang matang dan mampu mencipta irama tertentu dalam teks, yang dapat meningkatkan keindahan dan estetika karya sastera. Namun, penggunaan ayat panjang perlu diseimbangkan dengan ayat pendek untuk memastikan kelancaran pembacaan dan mengelakkan kebosanan pembaca.

Dengan demikian, ayat panjang berfungsi sebagai alat stilistik yang memperkukuh penyampaian mesej dan pengalaman emosi dalam novel.

4.2.4 Analisis Prinsip Kajian Semantik atau Makna

Prinsip stilistik yang dikemukakan oleh J.J. Webber (1989) selanjutnya ialah prinsip kajian terhadap makna atau semantik. Menurut J.J. Webber (1989), prinsip kajian terhadap makna atau semantik merujuk kajian terhadap makna secara tersurat mahupun tersirat. Keseluruhan elemen yang digunakan dalam pengungkapan makna seperti taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat adalah diteliti berdasarkan prinsip ini. Webber (1989) menyatakan bahawa stilistik amat mementingkan pemerolehan makna. Oleh itu, terdapat beberapa makna dalam novel ini yang dianalisis dalam prinsip kajian terhadap makna atau semantik iaitu makna konotatif, makna peribahasa, kesantunan dalam berbahasa. Berikut merupakan jadual 3 yang menunjukkan penggunaan prinsip semantik yang digunakan dalam Novel “The Missing Piece”.

4.2.4.1 Makna Peribahasa

Antara prinsip kajian makna atau semantik yang diperoleh menerusi novel ini ialah makna peribahasa. Peribahasa merupakan suatu kaedah komunikasi yang menjadi amalan masyarakat Melayu zaman dahulu dalam menyampaikan sesuatu secara berlapik atau berkias (Nor Hashimah Jalaluddin, 2020). Peribahasa digunakan untuk menyampaikan pesanan, nasihat, pedoman dan sindiran secara halus tanpa mengungkapkan secara terus kepada orang yang ditujukan. Peribahasa dibina dengan berpaksikan kepada persekitaran (Julaina Nopiah et al., 2023). Terdapat beberapa peribahasa yang telah dikenal pasti dalam novel ini dan dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

Jadual 4.8 Contoh Pengaplikasian Peribahasa

No.	Data	Prinsip Kajian Terhadap Makna	Penerangan
1.	**Kalau untung sabut akan timbul, kalau untung batu akan tenggelam.**	Makna Peribahasa	Maksud: Sementara belum ada yang lebih baik, maka yang kurang baik pun baiklah dipakai dulu
2.	Sambil bekerja, aku akan tinjau-tinjau peluang pekerjaan yang lebih baik. **Biarlah aku berjagung-jagung dahulu sementara padi masak**.		Maksud: untung-untungan dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang berbahaya dan sebagainya, tidak ada orang yang dapat menghindari nasibnya

Antara peribahasa yang digunakan dalam novel ini ialah "**Biarlah aku berjagung-jagung dahulu sementara padi masak**.**"** yang bermaksud sementara belum ada yang lebih baik, maka yang kurang baik pun baiklah dipakai dulu. Peribahasa ini merujuk kepada konteks dimana Imrah memilih untuk bekerja sebagai guru sementara di sebuah sekolah sambil menanti peluang pekerjaan yang lebih baik. Penggunaan peribahasa dalam konteks ini menyerlahkan sifat Imrah sebagai wanita yang rajin berusaha, gigih dan cekal dalam kehidupan. Pengaplikasian peribahasa ini sekaligus memaparkan kebijaksanaan Imrah mengambil peluang yang terbentang di hadapannya.

Seterusnya, peribahasa "**Kalau untung sabut akan timbul, kalau untung batu akan tenggelam"** merujuk kepada untung-untungan dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang berbahaya dan sebagainya, tidak ada orang yang dapat menghindari nasibnya. Secara umumnya, peribahasa ini memberitahu bahawa pelbagai kemungkinan sama ada untung atau rugi, berjaya atau gagal boleh berlaku dalam kehidupan manusia dan manusia perlu bersedia menghadapi setiap kemungkinan tersebut. Merujuk kepada

konteks ungkapan peribahasa dalam novel, peribahasa ini cuba menjelaskan keberanian Imrah mengambil risiko untuk tetap dengan kesungguhannya memohon bekerja sebagai pramugari walaupun menyedari bahawa kemungkinan untuk tidak diterima adalah tinggi berikutan salah satu syarat yang tidak dipenuhi. Oleh itu, penggunaan peribahasa dalam penceritaan ini adalah bertepatan dan sejajar dengan konteks. Justeru membuktikan kebijaksanaan pengarang menerapkan aspek stilistik khususnya prinsip semantik.

Pengarang menerapkan peribahasa sebagai salah satu prinsip di bawah prinsip kajian terhadap makna atau semantik dengan tujuan untuk memberi nilai keindahan kepada teks novel. Keindahan yang dimaksudkan adalah teks yang dihasilkan mampu memberi keseronokan dan kenikmatan serta mencuit jiwa pembaca (Nur Syazwani Mohd. Rafi et al., 2024). Peribahasa yang dicipta melalui pemerhatian secara mendalam terhadap kejadian alam sekeliling untuk disesuaikan dengan pemikiran manusia bagi mengungkap maksud tersirat menjadikan penyusunan peribahasa amat menarik (Julaina Nopiah et al., 2021). Jika dilihat pada contoh peribahasa di atas, kehadiran peribahasa pada ujaran tersebut mencipta naratif yang lebih menarik dan bervariasi. Pesanan berjaya disampaikan kepada pembaca secara indah melalui ungkapan peribahasa yang relevan dan bersesuaian dengan konteks. Tuntasnya, penerapan peribahasa memainkan peranan penting dalam memberi nilai kepada keindahan karya sastera selaras dengan ciri-ciri sastera yang halus dan berseni.

4.2.4.2 Kesantunan dalam Berbahasa

Prinsip kajian semantik yang selanjutnya ialah kesantunan dalam berbahasa. Nilai kesantunan berbahasa sangat penting dalam mencerminkan sesebuah masyarakat sama ada berbentuk pertuturan ataupun penulisan. Kesantunan dalam penulisan merujuk

kepada kehalusan bahasa yang digunakan yang merangkumi pemilihan kata, frasa, ayat dan ungkapan dalam penulisan (Sara Beden, 2019). Jadual di bawah menunjukkan contoh ujaran yang mewakili kesantunan dalam berbahasa.

Jadual 4.9 Contoh Pengaplikasian Kesantunan dalam Berbahasa

No.	Data	Prinsip Kajian Terhadap Makna	Penerangan
1.	**Ya, al-Rahman**, berilah kesihatan yang baik kepada kami dan keluarga kami, **ya al-Rahman**! Bukalah jalan untukku **ya Al-Rahman**!	Kesantunan dalam berbahasa	Adab berdoa
2.	"**Inilah dewa Apollo son of Zeus yang sentiasa berdiri di samping saya untuk menyiapkan tesis saya Dr." "Joelah yang patut menerima sanjungan itu"**		Menghargai jasa melalui pemberian pujian

Berdasarkan jadual di atas, antara ujaran yang memaparkan kesantunan dalam berbahasa ialah "**Ya, al-Rahman**, berilah kesihatan yang baik kepada kami dan keluarga kami, **ya al-Rahman**! Bukalah jalan untukku **ya Al-Rahman**!" yang merupakan sebuah ungkapan berbentuk doa. Ujaran ini memperlihatkan aspek kesantunan berbahasa berikutan penyebutan perkataan "**Ya al-Rahman**" yang bermaksud "Wahai Tuhan yang Maha Pemurah". Perkataan ya al-Rahman yang diungkapkan sebanyak tiga kali merupakan lambang kepujian kepada Tuhan Seluruh Alam. Dikatakan bahawa ungkapan ini mengandungi prinsip kesantunan kerana pujian kepada Tuhan sebelum menyatakan permohonan merupakan adab utama dalam berdoa. Bahkan, memuji Tuhan dan menyeru nama-nama Allah adalah salah satu cara memperoleh doa yang mustajab. Pengarang cuba menyampaikan mesej melalui ungkapan doa ini bahawa masyarakat Melayu Islam adalah masyarakat yang mementingkan adab dan sopan santun dalam berbahasa sama ada dalam komunikasi

sesama manusia mahupun komunikasi antara manusia dan Tuhan iaitu dalam bentuk ibadah doa.

Selain itu, aspek kesantunan dalam berbahasa turut ditonjolkan dalam ujaran "**Inilah dewa Apollo son of Zeus yang sentiasa berdiri di samping saya untuk menyiapkan tesis saya Dr." "Joelah yang patut menerima sanjungan itu"**. Ujaran ini diungkapkan oleh Imrah ketika menerima pujian daripada orang ramai tentang keberjayaan beliau menyiapkan tesis. Imrah membalas pujian tersebut dengan mengembalikan pujian kepada suaminya yang sentiasa berada di belakang beliau dalam perjuangan menyelesaikan ijazah sarjana muda. Walaupun pada hakikatnya kejayaan tersebut bertitik tolak daripada kesungguhan Imrah dan sifatnya yang sabar dan gigih dalam berusaha, namun Imrah tetap mengingati dan menghargai pengorbanan suaminya dengan menyatakan di hadapan orang ramai bahawa suami beliau yang sepatutnya menerima segala pujian tersebut. Ungkapan yang sarat dengan kesantunan ini dilihat sebagai respon terbaik yang boleh diberikan seseorang ketika menerima pujian. Berbanding mengakui segala kehebatan itu atas usaha sendiri, Imrah membalas pujian orang terhadapnya dengan cara meraikan usaha Lawrence yang turut menjadi tulang belakang dalam kejayaan beliau. Nyatanya, pengarang berjaya mengaplikasikan gaya bahasa berbentuk kesantunan dalam berbahasa.

Aspek kesantunan dalam berbahasa yang ditunjukkan dalam penulisan novel bertujuan untuk menjelmakan nilai budaya dan etika yang melatari watak dan masyarakat dalam novel tersebut. Hal ini kerana, penggunaan bahasa oleh seseorang adalah refleksi kepada nilai budaya dan sosial yang menjadi pegangan masyarakat. Sara Beden (2019) menyebutkan bahawa bahasa melambangkan bangsa dan ujaran yang dizahirkan oleh seseorang boleh mewakili komuniti individu tersebut. Justeru, aspek

kesantunan yang diperlihatkan oleh pengarang dalam novel ini memaparkan nilai yang menjadi kepercayaan dan cara hidup Imrah sebagai seorang Melayu Islam yang penuh dengan kelembutan, kehalusan dan kesopanan dalam berbahasa. Sebagai contoh, penyebutan kata pujian kepada Allah sebagaimana pada data (1) dalam jadual di atas melambangkan prinsip dan tatasusila seorang Muslim dalam berdoa. Pengarang menjadikan novel sebagai medium informasi dan penyebaran budaya kepada masyarakat yang membaca novel ini. Selain itu, ujaran pada data (2) yang memaparkan Imrah mengembalikan pujian kepada Lawrence menunjukkan budaya orang Melayu ketika menerima pujian. Firdaus Mul (2022) menyebutkan bahawa penerapan kesantunan dalam penulisan menyerlahkan budi bahasa dan pekerti bangsa yang luhur. Sifat masyarakat Melayu yang terkenal dengan sifat rendah diri dan memberi penghormatan kepada orang lain lebih berbanding diri sendiri dipaparkan melalui ungkapan tersebut. Jelasnya, penggunaan bahasa dalam novel berupaya berfungsi sebagai lambang kepada nilai budaya dan etika masyarakat dalam novel tersebut.

4.2.4.3 Makna Konotatif

Prinsip kajian terhadap makna atau semantik turut memperlihatkan pengaplikasian makna konotatif yang bermaksud idea yang dimaksudkan daripada sesuatu perkataan mempunyai pendekatan makna dengan konotasi. Secara umumnya dalam bidang semantik, makna konotatif merujuk kepada pengungkapan makna secara tersirat dalam sebuah ujaran. Dalam usaha memahami makna konotatif, faktor seperti budaya, konteks penggunaan, pengalaman persekitaran, emosi, pendidikan dan perspektif tentang dunia perlu diambil kira de(Waemasna Waeyusoh & Yusniza Yaakub, 2023). Terdapat beberapa contoh perkataan dan frasa dalam novel yang membawa makna konotatif dan boleh dirujuk melalui jadual di bawah.

Jadual 4.10 Contoh Pengaplikasian Makna Konotatif

No.	Data	Prinsip Kajian Terhadap Makna	Penerangan
1.	Kalau tidak ada perempuan dalam dunia ini, alam akan jadi **beku seperti gua batu.**	Makna Konotatif	Gambaran kepada dunia yang kosong tanpa wanita
2.	Jangan ambitious sangat. Nanti jadi **surat khabar lama**		Gambaran kepada individu yang tidak relevan

Menerusi jadual di atas, dapat dilihat penyelitan makna konotatif melalui frasa "**beku seperti gua batu**". Gua batu dalam ayat ini bukanlah difahami secara denotatif atau literal namun yang ingin dimaksudkan oleh penggunaan frasa **guna batu** adalah lambang kepada sebuah dunia yang tidak bernyawa dan tidak bersifat insani. **Gua batu** difahami sebagai sebuah tempat yang dingin, keras, kosong, dan suram. Bahkan udang juga tidak dapat hidup di bawah batu. Demikianlah dunia ini diibaratkan seperti **gua batu** apabila tiada kehadiran wanita dalam kehidupan manusia. Ujaran ini secara impilist ingin menyampaikan bahawa tanpa kewujudan wanita yang dilahirkan secara fitrah dengan nilai kasih sayang dan emosi yang tinggi, dunia akan menjadi sebuah dunia yang tidak bermakna seperti dunia di gua batu.

Seterusnya, makna konotatif diperlihatkan melalui penggunaan frasa "**surat khabar lama**". Frasa ini ditujukan kepada Imrah sewaktu Imrah menyatakan hasratnya untuk memperoleh tiga ijazah. Imrah dikatakan bakal menjadi surat khabar lama jika bercita-cita terlalu tinggi. Frasa surat khabar lama membawa konotasi akan simbol ketidakrelevanan, keusangan dan tidak dihargai. Imrah dimomokkan bahawa tidak akan lelaki yang sudi menerimanya jika Imrah terlalu fokus mengejar cita-cita sedang usianya semakin meningkat. Ini sebagaimana surat khabar lama yang menjadi perwakilan kepada sesuatu yang telah dilupakan, ketinggalan zaman dan tidak lagi

penting. Berdasarkan frasa ini, dapat dilihat kemampuan pengarang memilih leksikal yang setara untuk menggambarkan situasi secara tepat.

Antara fungsi pengaplikasian makna konotatif dalam novel ini termasuklah untuk menyerlahkan bahasa yang kaya dengan makna tersirat. Penggunaan frasa yang mengandungi makna konotatif memperlihatkan kearifan pengarang menggunakan unsur alam sebagai perlambangan dalam membina maksud tersirat. Frasa "beku seperti gua batu" pada ungkapan "Kalau tidak ada perempuan dalam dunia ini, alam akan jadi beku seperti gua batu" misalnya digunakan secara konotatif untuk memberi penjelasan tentang dunia yang kosong dan suram tanpa kehadiran wanita. Frasa "surat khabar lama" pada ungkapan "Jangan ambitious sangat. Nanti jadi surat khabar lama" menunjukkan kehalusan bahasa dalam menggambarkan keadaan individu yang tidak lagi dihargai, ditinggalkan bahkan hilang dari ingatan. Pengarang cuba menunjukkan bahawa makna boleh disampaikan dengan jelas walaupun tidak dinyatakan secara langsung. Selain itu, penggunaan makna konotatif juga dapat mengelakkan daripada menyingung perasaan pembaca dan juga mampu meransang kognitif serta intelek pembaca. Stilistik menurut J.J. Webber (1989) amat mementingkan pemahaman terhadap makna. Pemilihan perkataan dalam ungkapan yang mengandungi makna konotatif ini dilihat memainkan peranan dalam menyampaikan makna secara tersirat.

4.2.5 Analisis Prinsip Penelitian Unsur-Unsur Bahasa Dramatik

Analisis terhadap unsur-unsur bahasa dramatik merujuk kepada penelitian terhadap bahasa yang menimbulkan kesan dalam jiwa pembaca seperti perasaan sedih, gembira, marah dan sebagainya. (Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim, 2023). Ini berkait rapat dengan kata asal dramatik iaitu "drama" yang merujuk kepada sesebuah karya yang dihasilkan melalui kreativiti dan unsur seni agar dapat menarik perhatian penonton

dan pembaca (Shafizah Mohd Fauzi & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2019). Selain mempengaruhi emosi pembaca, bahasa dramatik juga memberikan nilai keindahan dan menunjukkan kekuatan bahasa yang digunakan dalam karya sastera. Antara unsur bahasa dramatik yang terdapat dalam novel ini ialah simile, metafora dan hiperbola. Jadual di bawah menunjukkan penggunaan bahasa dramatik dalam novel "The Missing Piece".

4.2.5.1 Simile

Penerapan unsur bahasa dramatik dalam novel ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan unsur simile. Simile merupakan perkataan yang berasal daripada Latin iaitu '*similism*" yang bermaksud *seperti*. Simile merujuk kepada bahasa kiasan yang membuat perbandingan antara dua perkara melalui persamaan yang wujud antara dua perkara tersebut menggunakan kata-kata perbandingan seperti "bak, bagaikan, bagai, laksana, seperti, umpama, tamsil, ibarat dan seumpamanya". (Wan Nur Akmal, 2023). Contoh penggunaan simile ditunjukkan melalui jadual di bawah.

Jadual 4.11 Contoh Penggunaan Simile

No.	Data	Unsur Bahasa Dramatik	Penerangan
1	Penanggungannya sangat dahsyat, **bagaikan setiap saat perasaan dihiris hiris dengan sembilu**.	Simile	Gambaran tentang perasaan yang terluka
2	Takut setakut-takutnya, **bagai sedang menghadapi sakaratul maut.**		Gambaran perasaan takut
3	Pandangan masyarakat terhadap graduan sangat tinggi, **bagaikan seorang dewa dan dewi yang datang daripada langit.**		Gambaran perasaan kagum masyarakat terhadap graduan universiti

4	Dihalau keluar dari rumah **macam kucing kurang, macam anjing buruk kepala.**		Gambaran keadaan Imrah dihalau dari rumah

Berdasarkan contoh penggunaan simile pada petikan 1, pengarang menggambarkan kekecewaan yang ditanggung dalam hati akibat hubungan cinta yang tidak berjaya kepada tiga perbandingan. Perbandingan pertama dapat dilihat pada ungkapan "**bagaikan setiap saat perasaan dihiris hiris dengan sembilu**". Pengarang memberi gambaran akan tahap kepedihan dan kepiluan hati yang harus dibawa dalam hati melalui penggunaan kata "**bagaikan"** Ungkapan "dihiris dengan sembilu" merupakan peribahasa Melayu yang bermaksud hati yang amat pedih dan sakit. Sebagaimana selumbar buluh sembilu yang menyebabkan luka kecil namun memberi kesakitan yang amat pedih, begitu juga pedihnya luka yang menimpa Imrah akibat kecewa dalam percintaan. Tambahan lagi, penggunaan leksikal "setiap saat" dan kata ganda "berkali-kali" semakin menyerlahkan penderitaan emosi yang dialami oleh Imrah iaitu watak utama dalam novel ini kerana melambangkan kesengsaraan yang berpanjangan, begitu mendalam dan berbekas dalam hati. Ini bertepatan dengan idea yang dikemukakan oleh Webber (1989), bahawa analisis prinsip penelitian unsur-unsur bahasa dramatik merujuk kepada penelitian terhadap bahasa dari aspek lisan atau tulisan yang mengandungi gaya tertentu. Demikianlah kebijaksanaan pengarang mengaplikasikan gaya bahasa simile bagi mengungkap penderitaan emosi yang dialami oleh Imrah.

Pada contoh 2 iaitu "Takut-setakutnya **bagai menghadap sakaratul maut"** pengarang menggunakan kata banding "bagai" untuk menggambarkan perasaan takut yang dialami oleh Imrah sewaktu pertama kali datang haid ibarat ketakutan yang dialami ketika menghadapi sakaratul maut. Sakaratul maut merujuk kepada keadaan di

mana manusia merasai proses tercabutnya nyawa daripada tubuh. Proses ini merupakan detik yang menegangkan lagi menyakitkan bagi manusia yang menghadapi saat kematian dan memberi kewajaran untuk manusia berperasaan takut. Apatah lagi setiap insan tidak terkecuali daripada menghadapi sakaratul maut. Tambahan lagi, ketakutan yang berlebihan boleh menimpa manusia terutamanya mereka yang tidak mempersiapkan diri dengan amalan soleh. Merujuk kepada konteks, Imrah sebagai seorang anak gadis yang berusia 11 tahun dan tidak diberi pendedahan awal tentang tentang perkara yang harus dilakukan ketika didatangi haid sudah tentu menjadikan saat tersebut sebagai saat paling menakutkan dan mendebarkan baginya dan ketakutan itu standing dengan ketakutan menghadapi sakaratul maut. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa perbandingan pada contoh 2 adalah relevan kerana menghadapi sakaratul maut sememangnya merupakan situasi paling menakutkan bagi setiap insan. Ketakutan akan menemui malaikat maut, ketakutan akan kesakitan yang bakal dihadapi, ketakutan akan pengakhiran di alam akhirat, dan ketakutan akan keadaan selepas mati inilah yang menjadikan sakratul maut sebagai detik paling getir bagi setiap insan. Justeru, dapat difahami kewajaran dan rasional disebalik perbandingan yang dilakukan oleh pengarang membuat perbandingan perasaan takut ketika didatangi haid yang setara dengan ketakutan menghadapi mati.

Seterusnya, pada ungkapan "pandangan masyarakat terhadap graduan sangat tinggi, **bagaikan seorang dewa dan dewi yang datang daripada langit**", pengarang telah membuat perbandingan pandangan masyarakat terhadap graduan universiti dengan dewa dan dewi yang datang dari langit. Perbandingan dengan kata "bagaikan" ini menggambarkan tahap penghormatan yang tertinggi masyarakat terhadap mahasiswa yang berjaya menamatkan pelajaran di menara gading. Dewa adalah entiti yang dipuja kerana dipercayai berkuasa terhadap alam dan manusia. Pengarang

mengibaratkan para graduan seperti dewa dan dewi berikutan beberapa aspek. Ini termasuklah kuasa yang dipercayai terdapat pada dewa. Menurut Norazimah Zakaria et al. (2019), kesaktian merupakan salah satu ciri yang wujud pada seorang dewa. Selain itu, terdapat kepercayaan bahawa keyakinan masyarakat terhadap raja yang dianggap sebagai bayangan Tuhan menjadikan masyarakat tidak membantah dan harus menerima secara bulat perbuatan raja. Oleh itu, dapat dilihat daripada keterangam ini bahawa pengarang cuba menerangkan masyarakat menanggapi keupayaan dan kuasa yang wujud pada mahasiswa dalam memperbaiki taraf hidup, kualiti kehidupan dan membawa pembaikan dalam masyarakat serta negara, sebagaimana kuasa yang dipercayai wujud pada dewa. Pandangan dan suara mahasiswa dianggap benar dan harus didengari sebagaimana perintah dewa yang tidak boleh dipertikai. Izharnya, ungkapan ini berjaya menzahirkan ketinggian intelektual dan kreativiti pengarang dalam menyampaikan pandangan masyarakat ketika itu terhadap para graduan.

Akhir sekali, ungkapan "**dihalau keluar dari rumah macam kucing kurap, macam anjing buruk kepala**" memperlihatkan pengarang menggunakan kata bandingan "macam" untuk mengibaratkan situasi Imrah dihalau keluar dari rumah seperti Imrah ialah seekor kucing kurap dan anjing buruk kepala. Perbandingan pertama "macam kucing kurap" menunjukkan bahawa nilai diri Imrah tidak kurang seperti kucing kurap yang sinonim dengan sifat kotor, berpenyakit, busuk dan membawa kemudaratan kepada orang sekeliling. Berbeza dengan kucing yang dijaga rapi, kucing kurap di jalanan selalunya tidak digemari oleh masyarakat. Seterusnya, peribahasa pada perbandingan kedua iaitu "anjing buruk kepala" bermaksud orang yang sangat dibenci oleh masyarakat.Perbandingan ini melambangkan pandangan kehinaan seorang bapa terhadap anak seolah-olah amat besar kesalahan Imrah memilih untuk berkahwin

dengan lelaki berbeza bangsa. Gabungan dua perbandingan ini memaparkan suasana yang tegang, pilu dan sarat dengan kekecewaan.

Fungsi penggunaan unsur simile adalah untuk meningkatkan daya imaginasi pembaca. Penggunaan simile sebagai salah satu retorik penerangan berupaya memberi gambaran secara visual dalam minda pembaca supaya imej yang terhasil tentang sesuatu peristiwa, suasana atau kejadian adalah tepat dan segar berdasarkan maksud yang disasarkan oleh pengarang (Dewi Hj Samri, 2022). Menurut Dewi Hj Samri (2022) lagi, simile membantu dalam peningkatkan daya imaginasi melalui pemberian ciri-ciri tertentu yang mudah difahami. Berdasarkan contoh pada ungkapan 4, leksikal "macam kucing kurap" dan peribahasa "Bagai anjing buruk kepala" membolehkan pembaca membayangkan secara jelas akan suasana yang begitu pilu dan menyayat hati apabila Imrah dihalau dari rumah oleh bapa kandungnya ibarat telah hilang perasaan kasih sayang seorang ayah terhadap anak dan begitu rendah nilai diri Imrah ketika itu. Laila Tri Lestari et al. (2022) turut mendapati simile berfungsi sebagai penggambaran keadaan dan Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim (2023) pula menemukan bahawa simile digunakan supaya pembaca dapat membayangkan secara realistik perihal figura yang dibincangkan dalam novel. Ini bertepatan dengan fungsi bahasa sebagai salah satu alat ekspresif dan imaginatif. Tuntasnya, simile adalah perihal mengungkapkan realiti dan menyerlahkan suasana sebuah peristiwa secara visual kepada pembaca melalui penyusunan bahasa yang unik dan kreatif.

4.2.5.2 Hiperbola

Hiperbola berasal daripada bahasa Yunani yang bemaksud "pemborosan; berlebih-lebihan'". Kata hiperbola berakar daripada kata "*hyper*" yang berarti 'melebihi' dan kata *"ballein*" yang bererti "melemparkan". Hiperbola merupakan gaya bahasa yang

mengandungi pernyataan berlebih-lebihan Ciri-ciri hiperbola termasuklah melebih-lebihkan sesuatu, bersifat dramatis, cenderung mengandungi makna tidak masuk akal dan mempengaruhi pembaca (Futri Alam, 2022). Jelasnya, hiperbola adalah ungkapan yang terdiri daripada pernyataan berlebih-lebihan dengan membesar-besarkan sesuatu hal. Gaya bahasa ini melibatkan kata-kata, frasa atau kalimat. Jadual di bawah menunjukkan contoh ujaran daripada novel yang menerapkan gaya bahasa hiperbola sebagai salah satu unsur di bawah analisis prinsip penelitian unsur bahasa dramatik.

Jadual 4.12 Contoh Penggunaan Hiperbola

No.	Data	Unsur Bahasa Dramatik	Penerangan
1.	Aku rasa **hati terbakar hangus rentung. Jadi abu-arang.**	Hiperbola	Gambaran akan kekecewaan yang mendalam
2.	Saya akan tunjukkan awak kepada semua penghuni maya. **Saya akan cakap pada laut. Saya akan cakap pada pantai. Saya akan cakap pada pulau. Saya akan cakap pada gunung. Saya akan cakap pada langit. Saya akan cakap pada bulan. Pada bintang, pada awan, pada hujan**. Saya akan cakap pada semua. Inilah Lawrence kekasih saya. Inilah Lawrence suami saya!		Gambaran akan perasaan cinta yang tulus

Merujuk kepada data (1), pengarang dilihat menerapkan unsur hiperbola pada ungkapan "**hati terbakar hangus rentung, jadi abu-arang**". Melalui ungkapan berbentuk hiperbola ini, pengarang cuba menyatakan perasaan yang dialami ibarat **hati yang terbakar hangus rentung, jadi abu-arang.** Ungkapan ini dikatakan sebagai ungkapan berunsur hiperbola kerana ungkapan ini menunjukkan unsur berlebihan. Hati dimaklumi sebagai organ yang berada dalam tubuh, dan jika benar hatinya dikeluarkan lalu dibakar sehingga menjadi abu dan arang, mustahil Imrah (penutur ujaran) boleh merasainya kerana beliau pasti tidak dapat meneruskan hidup setelah organ terpenting

dikeluarkan dari tubuh. Jelasnya, ungkapan "**hati terbakar hangus rentung, jadi abu-arang**" dikarang secara berlebihan untuk menerbitkan kekecewaan yang begitu mendalam sehingga tidak lagi meninggalkan walau secebis kasih dalam hatinya. Penggunaan kata "**terbakar**", "**hangus**" dan "**rentung"** biasanya digunakan dalam konteks fizikal, namun digunakan sebagai kiasan yang berlebihan dalam konteks ini untuk menonjolkan emosi yang membara akibat terlalu marah, kecewa, dan sedih. Kata "**jadi abu-arang**" pula melambangkan jiwa yang hancur sepenuhnya dan tidak mampu dipulihkan kembali. Kebijaksanaan pengarang menggunakan unsur hiperbola secara berperingkat (**terbakar-hangus-rentung-tinggal abu**) sememangnya telah memaparkan unsur dramatik

Seterusnya, pada data 2, penggunaan gaya bahasa hiperbola dapat dilihat berdasarkan ungkapan "**Saya akan cakap pada laut. Saya akan cakap pada pantai. Saya akan cakap pada pulau. Saya akan cakap pada gunung. Saya akan cakap pada langit. Saya akan cakap pada bulan. Pada bintang, pada awan, pada hujan**". Ungkapan ini secara jelas mempamerkan pemakaian unsur hiperbola kerana perbuatan bercakap dengan objek yang tidak bernyawa seperti laut, pantai, pulau, gunung, langit, bulan, bintang, awan dan hujan adalah. mustahil. Malah, komunikasi itu sendiri difahami sebagai penggunaan bahasa untuk pertukaran maklumat antara dua individu atau lebih. Pengarang sengaja meletakkan ungkapan yang berlebihan ini untuk menggambarkan ketulusan perasaan Imrah terhadap suaminya, Lawrence. Ungkapan hiperbola ini menepati ciri-ciri bahasa dramatik seperti yang dinyatakan oleh J.J. Webber (1989) iaitu percakapan penuh atau sempurna yang menimbulkan kesan kepada jiwa. Melalui ungkapan hiperbola ini, dapat difahami bahawa Imrah ingin membuktikan kesungguhan kasihnya dan kasihnya terhadap suami adalah benar. Kebanggaan dan

kemegahan Imrah mempunyai Lawrence sebagai suami turut digambarkan melalui unsur hiperbola ini.

Fungsi pengaplikasian unsur hiperbola termasuklah bertujuan untuk menimbulkan penekanan terhadap maksud yang ingin disampaikan. Unsur hiperbola yang mewujudkan kesan berlebihan dalam menyatakan perasaan dan keadaan tertentu menjadikan penceritaan terasa lebih hidup, segar dan memikat hati pembaca (Marifatun & Widayati, 2019). Ungkapan hiperbola (1) misalnya memberi penekanan terhadap emosi dan perasaan yang dialami oleh penutur iaitu kekecewaan yang mendalam melalui ungkapan hiperbola "hati terbakar hangus rentung, jadi abu arang". Fungsi hiperbola sebagai penekanan terhadap maksud dijelaskan lagi melalui contoh ujaran (2) yang berjaya memaparkan ketulusan perasaan Imrah terhadap Lawrence. Ketinggian dan kedalaman perasaan kecewa dan cinta berdasarkan dua contoh ujaran di atas dijelmakan melalui unsur hiperbola. Nyatanya, ayat yang dibina dengan unsur hiperbola memiliki pengaruh yang besar dan kuat dalam menyampaikan makna secara lebih mendalam dan menarik perhatian pembaca (Adi Wisnu, 2021). Wiwik Surya Utami & Jumianti Diana (2023) menyokong pernyataan hiperbola sebagai kaedah untuk memberi penekanan terhadap maksud dengan penemuannya bahawa hiperbola berupaya menghuraikan pesan-pesan dalam novel secara lebih nyata dan berkesan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan hiperbola yang tepat bertindak sebagai penekanan terhadap maksud agar dapat membantu pembaca merasai dan memahami perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis.

4.2.5.3 Metafora

Selain simile, metafora juga dikategorikan sebagai salah satu unsur bahasa dramatik iaitu bahasa yang mempunyai gaya dan lagak untuk drama. Metafora merupakan salah

satu bentuk kiasan iaitu memperkatakan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada perkara yang lain (Nor Hafuza Muhammad Arif et al., 2023). Berbeza dengan simile, ungkapan metafora membuat perbandingan secara langsung tanpa menggunakan kata perbandingan "seperti" dan seumpamanya. Makna yang disampaikan melalui ungkapan bermetafora adalah bersifat implisit dan kadangkala membawa kepada kekeliruan dalam interpretasi. Oleh itu, bahagian ini akan menghuraikan 3 contoh ungkapan metafora yang diperoleh dari novel yang dikaji sebagaimana dapat dilihat pada jadual di bawah.

Jadual 4.13 Contoh Penggunaan Metafora

No.	Data	Unsur Bahasa Dramatik	Penerangan
1.	**Dunia cinta** memang sebuah **dunia syurga**. Akan tetapi kalau tersilap langkah ia menjadi sebuah **dunia neraka.**	Metafora	Perlambangan kepada kebahagiaan dan penderitaan
2.	Kalau cinta kami dikhianati, **beri makan nasi hidangan dari istana, minum air dalam gelang emas bertatah permata sekalipun,** tidak mengenyangkan. **Akan jadi racun juga.**		Perlambangan kepada kemewahan yang sia-sia
3.	**Tersungkur makan debu, tertiarap makan tanah, terlentang telan hujan sekalipun**, aku akan teruskan.		Perlambangan kepada kesungguhan mencapai kejayaan

Ujaran pada contoh 1 memperlihatkan proses pemetaan metafora iaitu "**dunia cinta"** dipadankan dengan "**dunia syurga**" dan **"dunia neraka**". "**Dunia syurga**" dalam konteks ini, adalah simbolik kepada dunia yang dipenuhi dengan kebahagiaan dan kesempurnaan yang hakiki dan abadi. Manakala "**dunia neraka**" difahami sebagai dunia yang sarat dengan kesengsaraan dan penderitaan tahap tertinggi. Melalui penerapan unsur metafora, pengarang menekankan betapa cinta dilihat sebagai suatu

pengalaman yang agung, suci dan membahagiakan sebagaimana yang difahami terhadap konsep syurga. Demikian juga, pengarang cuba memaparkan bahawa andai seseorang tersilap langkah dalam dunia percintaan, penderitaan sehebat dan sebesar penderitaan di neraka bakal menimpa orang tersebut, Frasa "**dunia cinta**" yang bersifat abstrak mampu dijelaskan melalui kearifan pengarang menerapkan unsur metafora dengan perbandingan kepada "**dunia syurga"** dan "**dunia neraka"** yang bersifat konkrit iaitu yang dapat dibayangkan secara visual. Nuur Hikma Natasha et al. (2023) menyatakan bahawa metafora yang mendeskripsikan sifat sesuatu objek dengan sifat objek yang lain digunakan untuk menyampaikan makna tersirat. Oleh itu, dapat dilihat melalui metafora yang dihasilkan ini bahawa makna tersirat iaitu emosi ketika seseorang dilanda perasaan cinta berjaya diterjemahkan kepada pembaca. Pembaca memperoleh pemahaman bahawa terdapat dua kemungkinan boleh terjadi dalam hidup seseorang ketika terjebak dalam perasaan cinta iaitu kemungkinan menikmati pelbagai jenis perasaan positif ibarat berada dalam syurga atau merasai penderitaan yang tidak berpenghujung seperti keadaan yang membelenggu penghuni neraka. Pemilihan frasa **dunia syurga** dan **dunia neraka** adalah pilihan perkataan yang sesuai dan tepat untuk memberi perlambangan kepada kebahagian dan penderitaan dalam dunia percintaan. Sememangnya, penggunaan metafora dalam ujaran 1 telah menyumbang kepada kekuatan dalam karya. Ini bertepatan dengan kepentingan pengaplikasian unsur dramatik seperti metafora dalam menyifatkan pelbagai kesan yang imaginatik terhadap pembaca (Webber, 1989).

Seterusnya, unsur metafora telah diungkapkan oleh pengarang melalui frasa "**beri makan nasi hidangan dari istana, minum air dalam gelang emas bertatah permata** sekalipun, tidak mengenyangkan. **Akan jadi racun juga".** Frasa **"nasi hidangan dari istana" dan air dalam gelang emas bertatah permata** bukanlah

merujuk kepada makanan fizikal, namun sebagai metafora kepada kemewahan, kemasyhuran dan kekayaan material. Frasa "**akan jadi racun juga**" pula gambaran kepada kemewahan yang sia-sia dan tidak berguna lagi jika hati seorang perempuan telah terkhianati sebagaimana dapat dilihat melalui konteks dalam novel ini iaitu Imrah yang terus melupakan bekas kekasihnya setelah mendapati kasihnya diduakan dengan wanita lain. Melalui ketiga-tiga ungkapan bermetafora ini, pengarang cuba menerangkan bahawa wang, kuasa dan nama tetap tidak dapat menyembuhkan luka hati yang dikhianati. Secara tidak langsung, metafora dalam ujaran ini cuba menzahirkan ketulusan kasih dan keteguhan pendirian seorang perempuan. Seorang perempuan tidak akan merendahkan diri untuk berpatah kembali kepada orang yang mengkhianatinya walau dihidangkan makanan dari istana dan air dalam gelang emas bertatah permata. Demikianlah makna sebenar yang cuba dipamerkan oleh pengarang dalam novel ini. Nyatanya, kedalaman makna telah disampaikan secara indah melalui penggunaan metafora sebagaimana yang disebutkan oleh J.J. Webber (1989) bahawa metafora sebagai salah satu unsur dramatik telah memberi kesan keindahan kepada karya.

Berdasarkan ujaran 3, metafora diserlahkan melalui frasa "**tersungkur makan debu, tertiarap makan tanah, terlentang telan hujan**". Ketiga-tiga frasa ini adalah sebagai perlambangan kepada kesungguhan watak utama iaitu Imrah dalam usaha mencapai cita-citanya. Walaupun dihimpit dengan pelbagai cabaran sebagai seorang isteri dan seorang ibu, beliau tetap meneruskan perjuangan dan beriltizam untuk menamatkan perkara yang telah dimulakannya. Frasa "**makan debu**", "**makan tanah**", "**telan hujan**" adalah gambaran berbentuk konkrit kepada kejatuhan, kehinaan, dan penderitaan. Cabaran walaupun berat dan sukar sehingga harus terjatuh, terduduk dan terlentang seperti yang disimbolikkan pada tiga frasa tersebut tetap tidak dapat menjejaskan semangatnya. **Pengarang melalui metafora ini cuba mengutarakan**

ketinggian semangat juang, kegigihan dan kecekalan Imrah dalam usaha untuk menamatkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah. Walau bagaimanapun, penggunaan metafora ini adalah mengikut kebijaksanaan pengkarya seni itu dalam menyusun strategi sewaktu berkarya dalam memberi kesan impak yang ketara terhadap karya seni kontemporari (Wan Nurhasyimah W. Mohd Apandi et al., 2022).

Pengaplikasian metafora dalam penghasilan novel bertindak sebagai fungsi eskpresif. Metafora sebagai alat bahasa yang ekspresif bertindak sebagai sumber inspirasi kepada curahan dan luahan perasaan yang mendalam oleh pengarang (Siti Maisaroh et al., 2024). Adapun yang dimaksudkan metafora dengan fungsi eskpresif juga adalah ungkapan tersebut melalui makna tersirat cuba membawa suatu harapan dan pemikiran serta gagasan kepada pembaca (Wahyuningtyas, 2019). Khairunnisa Rahmiyati Darsya et al. (2024) turut mendapati bahawa penggunaan metafora mampu menyerlahkan suasana hati penutur dalam novel. Contoh ujaran metafora (1) misalnya adalah hasrat pengarang untuk menyampaikan harapannya kepada pembaca untuk berwaspada dalam dunia berkasih manakala contoh ujaran (2) pula adalah amanat pengarang kepada para lelaki untuk bersifat setia. Seterusnya, kesungguhan watak Imrah dalam perjuangan menamatkan pengajian di peringkat Ph.D sekaligus sebagai ajakan kepada pembaca untuk terus berusaha dalam kehidupan berjaya dijelmakan pada ungkapan metafora (3). Demikianlah dapat dilihat kearifan pengarang memanfaatkan simbolik dan perlambangan daripada alam semula jadi dalam pembinaan ungkapan metafora sehingga mampu membawa kepada sebuah seruan dan pemikiran yang bermakna kepada pembaca.

4.2.6 Analisis Prinsip Gaya Individualisme

Prinsip terakhir yang dikemukakan dalam Prinsip Stilistik J.J. Wwbber (1989) ialah Prinsip Gaya Individualisme yang merujuk kepada identiti seseorang penulis dalam menghasilkan karya sastera. Prinsip ini melihat kecenderungan penulis karya dalam mengolah bahasa untuk mencipta sesuatu karya yang indah, berseni dan kaya dengan nilai estetika melalui penggunaan bahasa secara kreatif. Setiap penulis mempunyai cara dan gaya tersendiri dalam mencurahkan idea dan makna yang menjadikan karya-karya sastera oleh penulis dapat dikenal pasti. Pemilihan kata-kata, struktur ayat dan gaya penceritaan berupaya mencerminkan identiti pengarang. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan gaya penulisan Fatimah Busu dalam penghasilan novel "The Missing Piece". Antara gaya yang dikenal pasti sering diaplikasikan oleh Fatimah Busu adalah penggunaan analogi dan penggunaan leksikal bombastik.

4.2.6.1 Penggunaan Analogi

Analisis terhadap prinsip gaya invidualisme menerusi novel "The Missing Piece" menunjukkan satu kaedah penggunaan bahasa yang signifikan dan kerap digunakan oleh penulis. Dalam proses menyampaikan makna, penulis dilihat sering kali menerapkan gaya bahasa berbentuk analogi. Analogi merujuk kepada perbandingan antara dua perkara yang berbeza yang berkongsi beberapa persamaan. Teknik analogi digunakan untuk menjelaskan sesuatu yang kompleks dengan memberi perbandingan kepada sesuatu yang boleh difahami dengan lebih mudah. Dalam novel ini, penulis sering membuat perbandingan analogi kepada watak fiksyen yang wujud dalam karya agung di dunia. Contoh penggunaan analogi dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

Jadual 4.14 Contoh Penggunaan Analogi

No.	Data	Prinsip Gaya Individualisme	Penerangan
1.	Dulu ketika pertama kali berada di pulau pinang, berjumpa dengan orang-orang yang baik hati dan sangat menghiburkan, aku anggap diriku sebagai **Alice di Wonderland.** Kemudian setelah bertemu Lawrence, aku bagaikan berada di dalam **Hikayat Seribu Satu Malam** seperti seorang **puteri tanah arab** dan seperti **Cinderella**.	Penggunaan Analogi	Gambaran tentang peristiwa dan sejarah kehidupan yang telah diharungi oleh Imrah
2.	Kenapa mesti membiarkan diri jadi **Majnun** yang terus rela mati walaupun **Laila** sudah jadi hak org lain?		Gambaran akan keadaan hidup Charlie yang terperangkap dalam cinta yang obsesif

Berdasarkan jadual di atas, diperlihatkan penulis sering kali memasukkan watak dan karya fiksyen yang masyhur dan dikenali ramai dalam karyanya. Data 1 menunjukkan penggunaan empat analogi iaitu **"Alice di Wonderland", "Hikayat Seribu Satu Malam", "puteri tanah arab" dan "Cinderella".** Empat watak dan karya fiksyen ini dijadikan analogi untuk memberi gambaran tentang peristiwa dan sejarah kehidupan yang telah diharungi oleh Imrah. Penulis meletakkan frasa "**Alice di wonderland**" berikutan persamaan kisah yang berlaku antara Imrah dan watak Alice dalam filem "Alice's Adventures in Wonderland" iaitu mengharungi pengalaman luar biasa keika berada di tempat baharu buat pertama kali. Frasa "**Hikayat Seribu Satu Malam** seperti seorang **puteri tanah arab** dan seperti **Cinderella"** pula menjadi analogi kepada perubahan hidup seorang Imrah setelah berkenalan dengan Lawrence. Kehidupannya berubah bagaikan seorang **puteri tanah arab** dalam Hikayat Seribu Satu Malam yang disayangi, dihargai dan dimuliakan. Keindahan hidup yang dirasai oleh Imrah setelah bertemu Lawrence diibaratkan seperti **Cinderella** yang mengalami transisi kehidupan

daripada dunia yang penuh kesedihan dan sederhana kepada dunia yang sarat kebahagiaan. Demikianlah, kekreatifan penulis memberi gambaran kepada sesuatu idea menggunakan watak fiksyen seperti puteri tanah arab dan Cinderella dan karya popular seperti Alice di Wonderland.

Seterusnya, pengarang meletakkan kisah hikayat Laila Majnun sebagai analogi dalam ayat "Kenapa mesti membiarkan diri jadi **Majnun** yang terus rela mati walaupun **Laila** sudah jadi hak org lain?" untuk menceritakan kewajaran Charlie membinasakan diri sendiri kerana cinta kepada seorang wanita yang telah berkahwin. Ungkapan ini memberi gambaran akan keadaan hidup Charlie yang terperangkap dalam cinta yang obsesif sebagaimana cinta **Majnun** terhadap **Laila** yang begitu tinggi sehingga akhirnya menghancurkan diri sendiri. Oleh kerana pembaca telah mengetahui akan pengakhiran cerita hikayat Laila Majnun, maka secara tidak langsung pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa manusia harus menyedari hakikat bahawa perasaan tidak dapat dipaksa dan manusia harus meneruskan kehidupan untuk kemajuan diri sendiri. Melalui analogi ini, dapat dilihat keupayaan pengarang memilih objek yang sesuai untuk dijadikan perbandingan atau analogi. Penggunaan analogi yang menjadi lambang identiti istimewa pengarang novel ini menunjukkan kreativiti penulis dalam menyampaikan pengalaman peribadi melalui lensa budaya popular dan sastera klasik. Ini sebagaimana yang disebutkan oleh J.J. Webber (1989) iaitu identiti yang ditonjolkan dalam karya seseorang pengarang.

Penggunaan analogi dalam karya ini tidak hanya memaparkan sisi istimewa dan unik kaedah kepengarangan Fatimah Busu, namun turut memainkan peranan penting dalam menjayakan keberkesanan novel. Pengapliaksian analogi dalam novel ini berfungsi untuk menerangkan konsep abstrak melalui perbandingan berbentuk konkrit.

Pengalaman peribadi yang bersifat abstrak dan mungkin sukar diterangkan secara langsung oleh pembaca boleh dihubungkan melalui analogi (Zulfa Fahmy et al., 2019). Dalam konteks ini, penggunaan analogi adalah berbentuk gambaran yang lebih dikenali oleh pembaca seperti watak dan karya fiksyen yang tertera dalam jadual. Penggunaan watak fiksyen seperti Alice in Wonderland, Cinderella, dan hikayat popular seperti Hikayat Seribu Satu Malam dan Kisah Laila dan Majnun memberi bayangan yang lebih jelas akan sesuatu situasi yang cuba diterangkan oleh pengarang. Sebagai contoh, menyamakan diri dengan "*Alice di Wonderland"* menggambarkan rasa keterujaan dan keanehan dalam pengalaman baru, manakala analogi kepada "H*ikayat Seribu Satu Malam*" dan "*Cinderella"* mencerminkan perasaan romantik dan keajaiban dalam pertemuan dengan Lawrence. Nyatanya, situasi kompleks boleh difahami dengan mudah melalui penerapan kaedah analogi.

4.2.6.2 Penggunaan Leksikal Bombastik

Penggunaan leksikal bombastik oleh Fatimah Busu dalam novel ini turut didapati sebagai salah satu teknik yang sering digunakan dalam mengungkap sesuatu makna. Leksikal bombastik merujuk kepada penggunaan perkataan indah dan luar biasa. Leksikal yang dikatakan sebagai bombastik ini adalah perkataan yang membawa pengertian yang lebih bernas dan jelas (Nor Haliza Ab Hamid et al., 2020). Contoh leksikal bombastik dalam novel adalah seperti berikut.

Jadual 4.15 Contoh Penggunaan Leksikal Bombastik

No.	Data	Prinsip Gaya Individualisme
1.	Keturunan dan warna kulit, agama dan bangsa, adat-resam dan budaya, adalah **ranjau-ranjau dan tembok-tembok penghalang** yang sangat perkasa.	Pengggunaan Leksikal Bombastik
2.	Hatiku **berombak** dan bergolak serta merta dengan perasaan cemburu.	

Pengkaji mendapati leksikal "**ranjau-ranjau**" dan "**tembok penghalang**" adalah leksikal yang bombastik berikutan cara perkataan tersebut diletakkan dalam ayat. Pengarang menyebutkan bahawa perbezaan pada aspek keturunan, warna kulit, bangsa, agama, adat resam dan budaya sebagai ranjau dan tembok penghalang. Ungkapan ini menarik perhatian pengkaji kerana pengarang boleh sahaja menyampaikan maksud tanpa penggunaan perkataan "ranjau dan tembok". Namun, kehadiran perkataan **ranjau** dan **tembok** semakin mengukuhkan idea yang ingin disampaikan iaitu faktor seperti perbezaan bangsa dan agama sememangnya benar-benar menjadi pemisah yang tebal dan membarah dalam masyarakat Melayu. Pengarang ingin menerangkan bahawa pemikiran bangsa Melayu tidak boleh berkahwin dengan bangsa selain Melayu masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu.

Seterusnya, penggunaan leksikal "**berombak**" pada ujaran "hatiku **berombak** dan bergolak serta merta dengan perasaan cemburu". Frasa "hati **berombak**" dilihat bercorak puitis dan memberi kesan yang mendalam. Perkataan **berombak** difahami sebagai gelombang di laut yang turun naik. Hati berombak dalam konteks ini memberi gambaran bahawa hati Imrah diserbu secara tiba-tibadengan perasaan cemburu seperti ombak yang menghempas pantai. Pengarang boleh mengungkap ayat seperti "hatiku diserang perasaan cemburu", namun sebaliknya pengarang membina ungakapan dengan meletakkan leksikal bombastik "berombak" membentuk ayat "hati berombak dengan perasaan cemburu". Ini membuktikan daya fikir aras tinggi yang dimiliki oleh pengarang kerana keupayaannya memilih leksikal yang sesuai dan jauh dari kebiasaan.

Melihat kepada penggunaan leksikal bombastik dalam novel ini, boleh dikatakan bahawa pengarang mempunyai ketrampilan bahasa yang baik kerana penguasaan beliau terhadap perbendaharaan kata. Penggunaan leksikal bombastik

sebagai salah satu ciri unik yang menjadi refleksi kepada identiti penulis berfungsi untuk memperkaya naratif dalam novel. Pemilihan kosa kata yang menarik, bombastik, bercorak puitis dan jarang digunakan menambah dimensi estetika dalam penulisan novel, membentuk naratif yang lebih menarik dan berkesan kepada jiwa pembaca. Naratif novel terasa lebih hidup dan segar melalui penggunaan leksikal bombastik. Penggunaan perkataan bombastik membuka ruang interpretasi yang lebih luas, menjadikan teks novel lebih dinamik dan terpahat pada minda dan ingatan pembaca. Nor Haliza Ab Hamid et al. (2020) menyebutkan bahawa karya novel yang kaya dengan variasi perkataan yang menjangkaui norma dan perkataan baharu dan mampu menjadi daya tarikan kepada pembaca. Nyatanya, penerapan leksikal bombastik merupakan salah satu dari ciri kepengarangan Fatimah Busu yang bertindak sebagai usaha pengarang untuk mengekalkan nilai keindahan bahasa sebagai elemen penting dalam penyampaian naratif.

4.3 RUMUSAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa novel “The Missing Piece” karya Fatimah Busu memperlihatkan penerapan prinsip-prinsip stilistik seperti yang digariskan oleh J.J. Webber (1989). Secara keseluruhan, kajian ini telah menyerlahkan keupayaan gaya penulisan dalam novel memainkan peranan yang signifikan dalam menyampaikan makna dan nilai dalam karya tersebut. Penerapan prinsip stilistik dalam novel membantu dalam meningkatkan penghayatan secara lebih mendalam terhadap mesej dan idea yang ingin diungkapkan oleh penulis novel. Kajian ini menunjukkan bahawa setiap prinsip stilistik yang diterapkan dalam penulisan karya sastera seperti novel bukan sahaja menambah nilai keindahan bahasa namun diterapkan atas fungsi dan tujuan tersendiri yang membolehkan pembaca mengalami pengalaman pembacaan

secara lebih menarik dan berkesan. Analisis terhadap dapatan kajian memberikan gambaran yang jelas tentang prinsip stilistik berdasarkan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989). Tuntasnya, salah satu dari kaedah penghasilan sebuah novel yang berkualiti adalah melalui kebijaksanaan pengarang menerapkan prinsip stilistik secara tepat, relevan dan sesuai untuk membentuk karya yang berestetika tinggi dan memiliki kemampuan penyampaian makna secara efektif.

BAB 5

IMPLIKASI KAJIAN

5.1 PENGENALAN

Implikasi kajian merujuk kepada impak, sumbangan atau kesan yang diperoleh hasil daripada dapatan sesebuah kajian. Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif kajian dan kerangka teori yang telah diaplikasikan iaitu Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989). Perbincangan bab ini meliputi rumusan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan.

5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis yang berlandaskan Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) menunjukkan bahawa teori ini berjaya menjelaskan dan menerangkan aspek stilistik dalam karya sastera secara sistematik, terperinci dan menyeluruh. Teori ini mampu menganalisis teks sastera secara keseluruhan kerana prinsip yang dikemukakan adalah meliputi dan merangkumi penggunaan bahasa dari semua aspek termasuk aspek fonologi, pemilihan perkataan, pembentukan ayat, makna tersirat dan gaya peribadi penulis. Dari unit terkecil bahasa iaitu kata sehingga unit terbesar dalam bahasa iaitu ayat telah menjadi fokus analisis. Teori ini membantu pengkaji menerangkan keupayaan sesebuah aspek stilistik dalam memberi kejelasan kepada maksud yang disampaikan, menyumbang kekuatan kepada karya dan memberi gambaran realistik kepada pembaca yang akhirnya membawa kepada penghayatan secara maksimum oleh pembaca. Tuntasnya, Prinsip Stilistik J.J Webber (1989) merupakan teori stilistik yang relevan dijadikan sebagai

landasan dalam menganalisis teks sastera dan wajar diaplikasikan dalam kajian akan datang.

Berdasarkan analisis terhadap dapatan objektif pertama, dapat dirumuskan bahawa keenam-enam prinsip yang dikemukakan dalam Prinsip Stilistik J.J Webber (1989) didapati telah diaplikasikan dalam penghasilan novel "The Missing Piece" karya Fatimah Busu. Penerapan enam prinsip stilistik tersebut dilakukan oleh pengarang dengan tersusun melalui pemilihan perkataan yang relevan dan sesuai menjadikan karya tersebut sebagai sebuah teks sastera yang mempunyai nilai estetika tersendiri, unik dan sarat dengan unsur keindahan bahasa. Kepelbagaian aspek stilistik didapati mempunyai perkaitan rapat dalam penyampaian makna. Emosi dan mesej tertentu berjaya diterjemahkan dan diungkapkan dengan mendalam dan terperinci melalui penggunaan unsur stilistik. Nyatanya, kebijaksanaan dan kemahiran berbahasa pengarang ditonjolkan secara jelas melalui pengaplikasian variasi prinsip stilistik.

Seterusnya, dapat disimpulkan berdasarkan dapatan objektif kedua bahawa setiap prinsip stilistik yang diterapkan dalam penulisan novel tidak dibina secara kebetulan namun berpaksikan fungsi atau tujuan tertentu. Dapat dilihat bahawa pengarang memanfaatkan bahasa secara maksimum sebagai alat komunikasi dan wadah penyampaian maklumat. Pemilihan dan penggunaan aspek stilistik tidak hanya menyumbang kepada keindahan bahasa, namun berfungi dengan signifikan untuk menyampaikan emosi, menjelaskan latar watak, memberi penekanan pada maksud dan sebagainya yang membolehkan pembaca memahami dan menghayati karya. Pembaca terlihat secara kognitif dan emosi melalui prinsip stilistik yang digunakan. Oleh itu, pemilihan dan penggunaan elemen stilistik dalam novel bukan bersifat rawak, sebaliknya berasaskan niat pengarang, konteks naratif, dan kesan yang ingin dicapai,

menjadikan aspek stilistik sebagai satu elemen penting dalam menyampaikan makna keseluruhan karya sastera.

5.3 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mengukuhkan kemampuan teori Prinsip Stilistik J.J Webber (1989) dalam menganalisis pengaplikasian prinsip stilistik dalam teks sastera Melayu moden. Ini menunjukkan bahawa kerangka teori yang dikemukakan oleh J.J Webber (1989) adalah relevan untuk dijadikan sebagai landasan dalam usaha merungkai dan menghuraikan secara terperinci salah satu aspek intrinsik yang menjadi tunggak dalam pembinaan sebuah karya sastera yang berkesan iaitu aspek penggunaan dan pemakaian bahasa atau yang disebut sebagai stilistik. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kajian ini menyumbang kepada perluasan aplikasi teori stilistik dalam disiplin kesusasteraan Melayu tempatan dan dapatan kajian ini merupakan bukti tentang keperluan teori Prinsip Stilistik oleh J.J Webber (1989) untuk terus digunakan sebagai pendekatan dalam analisis teks sastera.

Selain itu, interpretasi terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip stilistik J.J Webber (1989) mempunyai potensi untuk diaplikasikan secara praktikal khususnya dalam bidang bahasa dan sastera. Misalnya, para pendidik boleh memperkenalkan prinsip stilistik sebagai kaedah menganalisis teks yang lebih sistematik dan bersifat linguistik. Warga masyarakat secara umumnya juga dapat mengambil manfaat daripada dapatan kajian ini dengan menjadikan prinsip stilistik sebagai panduan untuk menilai bagaimana variasi teknik bahasa mampu mengungkap makna dengan lebih mendalam dan berkesan.

Selanjutnya, dapatan kajian telah membuktikan wujudnya hubungan yang erat antara prinsip stilistik dan keberkesanan karya sastera menyampaikan makna dan idea. Ini boleh menjadi asas dan ruang kepada kajian akan datang untuk melihat pengaplikasian stilistik terhadap pelbagai bentuk sastera lain termasuk puisi, cerpen, lirik lagu dan filem agar penerapan teknik bahasa yang digunakan oleh pencipta karya sastera dan kesannya terhadap kualiti dan keberkesanan karya dapat dinilai.

5.4 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini telah menjadikan novel sebagai bahan kajian. Oleh itu, kajian akan datang dicadangkan untuk meneroka pengaplikasian prinsip stilistik terhadap bentuk dan jenis karya sastera yang berbeza seperti puisi, lirik lagu, skrip filem, dan cerpen tempatan. Pengkajian prinsip stilistik dalam pelbagai genre sastera adalah penting untuk melihat penerapan teknik bahasa yang digunakan oleh pencipta karya sastera dan kesannya terhadap kualiti dan keberkesanan karya. Ini juga penting untuk menilai kerelevanan teori stilistik oleh J.J. Webber (1989) dalam menganalisis pelbagai bentuk teks kreatif. Tambahan lagi, cadangan kajian lanjutan ini penting untuk memperkenalkan karya sastera tempatan kepada masyarakat melalui pengkajian terhadap prinsip stilistik.

Selain itu, hasil kajian telah menunjukkan bahawa sememangnya karya sastera oleh Fatimah Busu mengandungi keunikan tersendiri dari sudut penggunaan bahasa dan sarat dengan prinsip stilistik yang menarik, segar dan penuh unsur tersirat. Bertitik tolak dari ini, dicadangkan kepada kajian selanjutnya untuk mengkaji karya sastera lain yang dihasilkan oleh Fatimah Busu. Kajian akan datang boleh menganalisis karya pengarang ini khususnya karya yang pernah menerima anugerah dan pengiktirafan rasmi. Ini penting untuk mengetengahkan bahan bacaan yang bermutu tinggi dan sarat dengan keindahan bahasa kepada masyarakat. Ini juga untuk memberi pengenalan kepada

generasi muda tentang penulis sastera wanita terawal dalam sejarah perkembangan penulisan novel di Malaysia.

Seterusnya, penyelidik masa hadapan juga boleh menjalankan kajian perbandingan antara karya oleh dua pengarang berbeza. Pengkaji membuat perbandingan gaya penulisan dari sudut kepelbagaian prinsip stilistik untuk memaparkan keunikan gaya dan ciri-ciri penulisan antara dua pengarang berbeza. Melalui kajian perbandingan, identiti invidualisme seorang pengarang dapat dikenal pasti dengan mudah. Pembaca dapat mempelajari kecenderungan gaya penulisan pengarang sastera tempatan dan mengaplikasikan gaya bahasa tersebut dalam karya yang dihasilkan.

5.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya merungkai prinsip stilistik dalam novel "The Missing Piece" karya Fatimah Busu dengan berlandaskan Prinsip Stilistik J.J Webber (1989). Secara tidak langsung, kajian ini telah membuka ruang baharu dalam pengkajian sastera Melayu moden. Penelitian terhadap aspek stilistik telah menunjukkan bahawa bahasa merupakan alat komunikasi terpenting sama ada secara lisan mahupun tulisan sebagaimana yang dibuktikan melalui kajian ini. Penguasaan terhadap aspek stilistik oleh setiap pengarang adalah penting untuk menghasilkan karya yang indah dan mudah difahami serta dihayati. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak dalam bidang bahasa dan sastera serta222 menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang.

RUJUKAN

Abdul Rasid Jamian. (2023). Penggunaan Bahan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 11*(1),89-99. https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/176

Abdullah Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed, Mohd Najib Abdul Rahim. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat. *Jurnal Melayu, 19*(1). 54-74. http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1264

Adi Wisnu. (2021). Majas Hiperbola. https://wisnuadi.com/majas-hiperbola/

Ambarul Fatima Setiawati, Dara Mela Ayu, Sinta Wulandari & Vita Agustiawati Putri. (2021). Analisis Gaya Bahasa Dalam Lirik Lagu "Bertaut" Nadin Amizah: Kajian Stiliska". *Jurnal Penelitian Humaniora, 26*(1).10.21831/hum.v26i1.41373

Ambarul Mahasiswa Setiawati, Dara Mela Ayu, Sinta Wulandari & Vita Agustiawati Putri. (2021). Analisis Gaya Bahasa dalam Lirik Lagu "Bertaut" Nadin Amizah: Kajian Stilistika. *Jurnal Penelitian Humaniora*. *26(*1). 10.21831/hum.v26i1.41373.

Amelia Sundari & Abdullah Hasibuan. (2025). Analisis Gaya Bahasa dalam Karakter Tokoh pada Novel Bumi Karya Tere Liye. *Journal Ability: Journal of Education and Social Analysis, 3*(1).

Anggi Febriantia, Silva Caesarani Destianab & Moch Ichsan Nugraha. (2022). Analisis Majas dan Citraan Pada Puisi "Bawa Saja Aku" Karya Heri Isnaini Dengan Pendekatan Stiliska. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*, *1*(1), 28–34. https://doi.org/10.55606/jurribah.v1i1.132

Asenahabi, B. M. (2019). Basics of Research Design: A Guide to Selecting Appropriate Research Design. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, *6*(5), 76–89. www.ijcar.net

Ayo Suwaryo. (2022). Analisis Stilistika Lirik Lagu "Asmalibrasi" Karya Soegi Bornean" *Concept: Journal of Social Humanities and Education*, *1*(4), 93–103. https://doi.org/10.55606/concept.v1i4.81

Azean Idruwani Idrus & Nurafiqah Haziah Basir. (2024). Analisis Stilistik Dalam Novel Empayar: Hikayat Putera Tanpa Nama. *Jurnal Kesidang*, *9*(1), 95-106.

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2021). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (5th ed.). Sage Publications. https://spada.uns.ac.id/pluginfile.php/510378/mod_resource/content/1/creswell.pdf

Desy Ningsih Komalasari, Zulkifli, Ahmadin & Didit Haryadi. (2025). Analisis Fungsi dan Makna Metafora dalam Novel Tenun Biru Karya Ugi Agustono: Kajian Stiliska. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 9*(1). http://dx.doi.org/10.33087/aksara.v9i1.1004

Dewi Hj Samri. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa, 22*(22), 10.37052/jb22(1)no3.

Edi Syahputra, Syafira Syafira & Septiana Rizky. (2022). Penggunaan Makna Diksi dalam Novel "Senja Hujan dan Cerita yang telah Usai" Oleh Boy Candra. *Mahaguru Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, *3*(1), 185-190. 10.33487/mgr.v3i1.3934

Ade Ferihan, Muhammad Rafiek & Maria L.A.S. (2021). Intertekstualitas Novel Hujan Bulan Juni Karya Sapardi Djoko Damono dengan Film "Hujan Bulan Juni" Karya Reni Nurcahyo Hestu Saputra, *4*(1), 2.

Firdaus Mul. (2022, Mac 7). Utamakan Kesantunan Berbahasa dalam Penulisan Surat. Jendela DBP. https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/11/07/5992/

Futri Alam. (2022). Bentuk Bentuk Gaya Bahasa Hiperbola dalam Novel Kami Bukan Sarjana Karya J.S Khairen. Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. http://repository.unbari.ac.id/2245/1/Futri%20Alam%201700888201006.pdf

Haslina Haroon & Adilah Zabir. (2018). Penggunaan Dialek dalam Novel Seorang Tua di Kaki Gunung. *Jurnal Bahasa, 18*(2), 286-318. 10.37052/jb18(2)no4

Hishomudin Ahmad, Norfarhana Ahmad Ghafar, Muhammad Anwar Ahmad & Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob. (2024). Hadis Amalan Terbaik Dalam Sahih Bukhari: Analisa Stilistik Fonosemantik. *Journal Of Hadith Studies, 9*(1), 144–155. https://doi.org/10.33102/johs.v9i1.295

Ida Yeni Rahmawati. (2021). Analisis Stiliska Dalam Cerpen Dongeng Penunggu Surau Karya Joni Ariadinata. *Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, dan Kesusastraan Indonesia, 5*(1), 222-236. https://eprints.umpo.ac.id/6399/

Jafar, Rosary Iriany & Nuzul Tenriana. (2024). Kumpulan Gaya Bahasa Sapardi Djoko Damono (Kajian Stilistika). *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa dan Sastra,10*(2), 1201-1210. https://doi.org/10.30605/onoma.v10i2.3474

Jean. J Webber. (1989). The stylistics reader. United State: Routledge.

Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman. (2023). Cerminan Kuasa Melalui Peribahasa Melayu yang Berobjekkan 'Gajah' dan 'Harimau': Analisis Semantik Inkuisitif. RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, 2*(1), 241–266. https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11

Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, (2021). Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 9*(1), 59-72. https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-06

Kamalu, I. (2023). Stylictics. Issues In The Study of Language and Literature: Theory and Practice.1-728. https://www.researchgate.net/publication/371280562_STYLISTICS

Khairunnisa Rahmiyati Darsya, Yundi Fitrah & Liza Septa Wilyanti. (2024). Jenis, Fungsi, dan Makna Metafora dalam Antologi Cerpen Tukar Takdir Karya Valiant Budi. *Kajian Linguistik Dan Sastra, 3*(2), *121–131*. https://doi.org/10.22437/kalistra.v3i2.27216

Khusnul Fatimah, Angga Febriyatko, Hasan Busri & Moh Badrih. (2023). Estetika Bahasa dalam Retorika Dakwah KH Anwar Zahid pada Channel Youtube: Kajian Fungsional Linguistik. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastra*. *9*(2), *1068-1089.* 10.30605/onoma.v9i2.2906.

Laila Tri Lestari & Sari Ani. (2022). Gaya Bahasa Simile dalam Novel Ingkar Karya Boy Candra. *14*(2).

Marifatun & Mukti Widayati. (2019). Gaya Bahasa dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih 2 Karya Habiburrahman El Shirazy: Kajian Stilistika dan Relevansinya sebagai Bahan Ajar Bahasa Indonesia. *5*(1), 53–60.

Maulidia Tifani Alfin & Nur Hardiana. (2023). Kajian Stilistika Novel Student Hidjo Karya Mas Marco Kartodikromo. *Journal of Social, Culture, and Language, 1*(2), 18-26. https://journal.trunojoyo.ac.id/jscl/article/download/22583/8706

Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed & Mohd Najib Abdul Rahim. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu, 19*(1). 54-74. http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1264

Mohamad Nasir Noor Azemy & Rosmawati Mohamad Rasid. (2019). Pendekatan Street Dakwah Kepada Bukan Islam dalam Kalangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang. *Al-Hikmah, 11*(1), 60-73

Mohd Hanif Muhd Nasir. (2023). Suai Guna Semula Ke Atas Nilai Warisan: Kajian Kes Rumah Agam Cheong Fatt Tze. http://discol.umk.edu.my/id/eprint/12905/1/MOHD%20HANIF%20BIN%20MUHD %20NASIR.pdf

Muhamad Aniq Bin Azlan & Mohd Syuhaidi Abu Bakar. (2019). Persepsi dan Motivasi Khalayak untuk Membaca Karya Sastera dalam Akhbar Bercetak. *Forum Komunikasi, 14*(2), 91-115.

Muhamad Hermintoyo. (2018). Fungsi Rima dalam Lirik Lagu. *Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra, 13*(1), 26-35. 10.14710/nusa.13.1.26-35

Muhamad Salafudin & Rosita Sofyaningru. (2024). Menelusuri Keindahan Gaya Bahasa: hafuzRahasia Stilistika dalam Cerpen Pernahkah Kau Menjadi Ikan? Karya Gus TF Sakai", *DEIKTIS Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra, 4*(3), 517-527. 10.53769/deiktis.v4i3.954

Muhammad Ameer Shauqi, Marzni Mohamed Mokhtar, Muhammad Aiman Syazwan Ahmadi, Muhammad Ikhwan Danial Abdullah & Muhammad Ikhmal Mohd Isa. (2024). Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Dalam Teks Novel Tingkatan 4 Leftenan Adnan Karya Abdul *Latip Talib. Jurnal Pengajian Melayu, 35*(2), 46-66. https://doi.org/10.22452/jomas.vol35no2.4

Muhammad Rafli Haykal, Rusma Noortyani & Ahsani Taqwiem. (2022). Gaya Bahasa Sindiran Dalam Novel "O" Karya Eka Kurniawan, *5*(2).

Nor Hafuza Muhammad Arif, Maizura Osman & Hasmidar Hassan. (2023). Manifestasi Emosi Melalui Metafora Api: Satu Representasi Pemikiran Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu,35*(1),1-17, https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/51752

Nor Haliza Ab Hamid, Muhammad Mustaqim Roslan, Mohd Firdaus Durus, Amer Hakimy Zulkefli & Mohd Zulfaris Aiman Abdul Rasid. (2020). Kajian Tentang Gaya Individualisme Anwar Ridhwan Melalui Teks "Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman" dan "Penyeberang Sempadan" Karya Anwar Ridhwan Menggunakan Pendekatan Stilistik.

Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Objek dalam Metafora dan Akal Budi Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 13*(2), 199–222.

Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language, 2*(6), *78-87*. 10.35631/ijhpl.26007

Norsazliyana Mohamed Yusof. (2022). Peranan Kesusasteraan Melayu Dalam Bidang Pendidikan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan.

Nur Alisa Ramli & Mohamad Rozi Kasim. (2023). Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin. PENDETA, *14*(1), 88–113. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.8.2023

Nur Hidayah Ismail. (2023, Januari 6). Cabaran dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu. Jendela DBP. https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/01/06/7389/

Nur Syazwani Mohd. Rafi & Rahimah Hamdan. (2024). Keindahan Nasihat dan Sindiran dalam Pantun Peribahasa Melayu Gubahan Loo Mun. *Jurnal Wacana Sarjana, 8*(5), *1-14*. https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws

Nurul Atiqah Nor Azman & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2025). Sudut Pandangan dalam 7 Hari Mencintaiku: Analisis Stilistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 12*(3), 69 – 82. https://doi.org/10.17576/jatma

Nurul Hindayani, Sri Suciati & Pipit Mugi Handayani. (2024). Gaya Bahasa Pada Novel Garis Waktu Karya Fiersa Besari: Kajian Stilistika. *Jurnal Ilmu Pendidikan, Bahasa, Sastra dan Budaya (MORFOLOGI), 2*(2), 247-256. https://doi.org/10.61132/morfologi.v2i2.566

Nuur Hikma Natasha, Anida Sarudin & Mohd Sufian Ismail Natasha. (2023). Analisis Gaya Bahasa Figuratif dalam Novel "Bimasakti Menari" Teks Komponen Kesusasteraan Bahasa Melayu Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI.16*(1), 22-27. 10.37134/bitara.vol16.1.3.2023

Patrisius Istiardo Djiwandono & Wawan Eko Yulianto. (2023). Penelitian Kualitatif Itu Mengasyikkan: Metode Penelitian untuk Bidang Humaniora dan Kesusasteraan. Penerbit ANDI.

Paul, J., & Criado, A. (2020). The Art of Writing Literature Review: What Do We Know and What Do We Need to Know? *International Business Review. 29*(4). 10.1016/j.ibusrev.2020.101717.

Rahayu Rizky Prathamie, Nurrudin & Miftahulkhairah Anwar. (2021). Diksi dan Gaya Bahasa dalam Novel Waktu Aku Sama Mika (Kajian

Stilistika). *DIKLASTRI: Jurnal Pendidikan, Pembelajaran, Linguistik, Bahasa Indonesia, Dan Sastra Indonesia*, *1*(2), 77–84.

Rosmawaty Harahap, Alda Nafisa, Anggreiny Damanik, Atnes Hutagaol, Dian Sastra Sinaga, Gladys Felicia Manik, Rianggi Manalu & Mariana Yulistia Sinaga. (2024). Analisis Stilistik Pada Puisi Sajak Tafsir Karya Sapardi Djoko Damono Berdasarkan Pendekatan Objektif. *Journal of Social Humanities and EducationVolume, 3*(4). https://doi.org/10.55606/concept.v3i4.1604

Samhani Ismail, Andri Abdurrochman & Majdan Paharal Radzi. (2024). Rima Aliterasi dan Asonansi sebagai Sumber Ritma Linguistik Surah Fatihah yang Mensinkroni Gelombang Otak. *Global Journal Al-Thaqafah*, *14*(1), 120-141. 10.7187/GJAT072024-8

Sara Beden. (2019). Prinsip Dan Strategi Kesantunan Penulisan Dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Issues in Language Studies. 8*(1), 108-133. 10.33736/ils.1405.2019.

Saskia Noviyanti, Siti Ansoriyah & Shafruddin Tajuddin. (2023). Peran Gaya Bahasa dalam Membangun Wacana pada Novel Rasa Karya Tere Liye: Kajian Stilistika. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa, dan Sastra, 9*(2), 1226-1244. 10.30605/onoma.v9i2.2993

Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2019). *Research Methods for Business Students* (8th ed.). Pearson Education.

Shafa Salsabila Ali. (2025). Gaya Bahasa Kiasan pada Novel Respati Karya Ragiel J.P (Kajian Stilistika). *Jurnal Zeugma, 1*(1), 60-72. https://ojs.kayyismuliajaya.org/index.php/Zeugma/article/view/75/71

Shafizah Mohd Fauzi & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2019). Struktur Dramatik Buang Karya Roziah Adama. *Jurnal Wacana Sarjana*, *3*(3), 1-19. https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/281

Siti Maisaroh, Anang Santoso & Roekhan Roekhan. (2024). Fungsi dan Bentuk Metafora Pada Patu Mbojo. *Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya*, *7*(4), 665-672. https://doi.org/10.30872/diglosia.v7i4.1070

Soenandar Pritojosoa, Juanda & Faisal (2022). Citraan dalam Novel di Kaki Bukit Cibalak Karya Ahmad Tohari: Kajian Stiliska". *Indonesian Journal of Social and Educational Studies, 3*(1). https://doi.org/10.26858/ijses.v3i1.37043

Suci Indah Sari, Yulia Sri Hartati & Ria Satini. (2021). Gaya Bahasa Perbandingan dalam Novel Karya Okky Madasari. Jurnal Inovasi Penelitian, 1(11), 2499-2504. https://doi.org/10.47492/jip.v1i11.499

Synder, H. (2019). Literature Review as a Research Methodology: An Overview and Guidelines. *Journal of Business Research, 104*, 333-339. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039

Topan Adiningrat, Teti Sobari & Woro Wuryani. (2022). Analisis Stilistika dalam Puisi 'Sajak Doa Orang Lapar' Karya Ws Rendra. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 5(*1). https://doi.org/10.22460/parole.v5i1.10129

Turner, D., Ting, H., Wong, M.W., Lim, T., & Tan, K.L. (2021). Applying Qualitative Approach. *Asian Journal Business Research, 11*(3). 10.14707/ajbr.210111

Umi Latifah, Hasan Busri & Moh Badrih. (2023). Retorika estetik bahasa iklan online Ramadan 2022: Kajian Fungsional Aliran Praha. KEMBARA: *Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, Dan Pengajarannya, 9*(1), 285–299. https://doi.org/10.22219/kembara.v9i1.22546

Waemasna Waeyusoh & Yusniza Binti Yaakub. (2022). Gaya Bahasa Dalam Novel Perang Patani-Singgora. BAHASA. *ICMAEL: Literatures in the 21st century:Contemporary Issues and Challenges*, 694 - 702.

Wahyuningtyas Widya. (2019). Metafora dan Fungsi Metafora dalam Novel Garis Waktu Karya Fiersa Besari. http://repository.usd.ac.id/35218/2/154114008_full.pdf

Wan Nur Akmal Wan Ismail. (2023). Gaya Bahasa dan Teknik Penulisan dalam Novel Magis karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penelitian Teori Stilistik. http://discol.umk.edu.my/id/eprint/13027/

Wan Nurhasyimah W. Mohd Apandi, Nurul Shima Taharuddin & Ishak Ramli. (2022). Relativity of Metaphorical Subject with Symbolic Meanings in The Production of Visual Arts. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, 10,* 130-136.

Wira Rahmayani, Irfan Johari & Septian Azwar. (2023). Analisis Stiliska Novel "Api Tauhid" Karya Habiburrahman El Shirazy. *Tuwah Pande: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pengajaran, 2*(2), 222–233.https://doi.org/10.55606/tuwahpande.v2i2.319.

Wiwik Surya Utami & Jumianti Diana. (2023). Gaya Bahasa Hiperbola dalam Buku About Love Karya Tere Liye. *Journal of Education Research*, *4*(2), 563–569. https://doi.org/10.37985/jer.v4i2.195

Yolanda, Afif Rofii & Uli Wahyuni. (2024). Nilai Moral dalam Surat Kecil Untuk Tuhan Karya Agnes Davonar Tinjauan Psikologi Sastera. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 8*(2), https://aksara.unbari.ac.id/index.php/aksara/article/view/882/289

Zubaidatul Mardliyah, Sutejo & Cutiana Windri Astuti. (2021). Kajian Stiliska Dalam Novel Hati Suhita Karya Khilma Anis. *Jurnal Bahasa dan Sastra, 8*(2), 144-153. https://jurnal.stkippgriponorogo.ac.id/index.php/JBS/article/view/101

Zulha Fahmy, Diyamon Prasandha & Titi Wuryani. (2019). How to Teach Short Story Writing With Analogy? Conference on the Environmental Conservation through Language, Arts, Culture and Education (CECLACE). https://proceeding.unnes.ac.id/CECLACE/article/download/497/410/1315

Zulkifli & Desy Ningsih Komalasari (2024). Analisis Bentuk Metafora dalam Novel Tenun Biru Karya Ugi Agustono: Kajian Stiliska. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 8*(2).

Zulkifli. (2024). Aspek-Aspek Kebudayaan Daerah dalam Novel Tenun Biru Karya Ugi Agustono J. *Aksara: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 8*(1), 10.33087/aksara.v8i1.735.